

Jilid I
Bil. 22



Hari Rabu
5hb November, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH

Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2921]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2957]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2957]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N..

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

.. Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- „ Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUAN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Tapah).
- „ TUAN ABDUL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- Yang Berhormat TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N.,
B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- „ TUAN BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak
Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.
(Kemaman).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK
PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN AHMAD, D.P.M.S., J.M.N.,
A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- Yang Berhormat TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambangan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).
- .. TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

- Yang Berhormat TUN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ TUN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ TUN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- Yang Berhormat TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN YAHYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suher bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Rabu, 5hb November, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**FIRMA YANG MENGHADAPI
MASALAH KEWANGAN**

1. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan benarkah pihak Kerajaan telah bersetuju untuk membantu firma-firma yang sedang menghadapi masalah akibat kemelesetan ekonomi yang berterusan ini; jika benar:

- (a) sudah berapa buahkah firma-firma yang telah dikenalpasti oleh pihak Kerajaan yang perlu dibantu;
- (b) apakah tujuan sebenarnya Kerajaan berbuat demikian; dan
- (c) apakah jenis bantuan yang akan diberikan dan bagaimana bantuan itu diberikan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, di suatu ketika Kerajaan memang bercadang hendak meminda undang-undang yang

berkenaan supaya memberi peluang dan masa kepada syarikat-syarikat yang menghadapi masalah kewangan dalam masa kesulitan ini mengatasi masalah masing-masing. Walau bagaimanapun, setelah dikaji cadangan ini dengan mendalam didapati masa dan ketikanya belum lagi sesuai untuk mengemukakan pindaan kepada undang-undang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meminta institusi-institusi kewangan supaya lebih bertanggungjawab dan bertimbang rasa dalam masa kesulitan ekonomi ini supaya tidak mengambil tindakan-tindakan yang keras terhadap peminjam-peminjamnya dan memainkan peranan yang lebih aktif untuk membantu Kerajaan memulihkan ekonomi negara.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan bercadang apabila persiapan untuk meminda Akta-akta itu disiapkan kelak, ianya untuk membantu firma-firma atau syarikat-syarikat yang ada berkaitan dengan parti-parti Barisan Nasional, seperti MAFA dan sebagainya?

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak dapat cadangan itu.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan

memandang keadaan kesulitan kewangan kepada firma-firma yang ada ini Kerajaan telah meminta kepada institusi kewangan supaya tidak mengambil tindakan kepada peminjam-peminjam. Saya ingin bertanya, sejauh manakah sambutan yang diberi oleh institusi kewangan berkenaan dengan harapan atau rayuan Kerajaan.

Dato Kok Wee Kiat: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana institusi-institusi kewangan mesti bertindak masing-masing, saya ingat pada masa sekarang selepas Kementerian saya sudah meminta institusi-institusi kewangan itu, kita belum dapat satu jawapan lagi.

KUASA AHLI PARLIMEN MENYAMAN KENDERAAN

2. **Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk mengeluarkan kad-kad khas, untuk memberi kuasa kepada Ahli-ahli Parlimen untuk "menyaman" kenderaan-kenderaan yang dipandu laju khasnya lori-lori, lori-lori tangki minyak dan bas-bas kerana kebanyakan kemalangan-kemalangan jalan raya telah menyebabkan kematian-kematian yang banyak seperti kenderaan-kenderaan tersebut melanggar kereta-kereta penumpang sebagai langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat di atas minatnya untuk melibatkan diri dalam membantu Kerajaan mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak ada mempunyai satu pun cadangan untuk menjadikan Ahli-ahli

Yang Berhormat sebagai pegawai penguatkuasa untuk menyaman kenderaan-kenderaan yang dipandu dengan laju.

Kuasa untuk menyaman adalah di bawah bidang tugas Jabatan Pengangkutan Jalan, Polis dan Mahkamah. Buat masa ini Kerajaan mengamalkan pendekatan, penerangan dan pendidikan dan penguatkuasaan dalam usahanya untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Tuan Hu Sepang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu mengapa Kerajaan memberi kuasa kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan "A" untuk menyaman pemandu-pemandu kereta apabila mereka melanggar syarat-syarat lalulintas baru-baru ini.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, agaknya Yang Berhormat itu tak faham jawapan saya tadi. Saya katakan tadi Kumpulan "A" hanya boleh membuat laporan sahaja kepada JPJ ataupun Polis. Kita beri kuasa kepada mereka untuk membuat laporan, bukan menyaman.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, saya pohon Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu Dewan ini tentang sebab-sebab mengapa Kementerian beliau menarik balik penguatkuasaan penggunaan lampu-lampu had laju bagi kenderaan-kenderaan berat, sama ada Yang Berhormat mempunyai cadangan yang lain bagi mengatasi masalah ini.

Yang kedua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau mempunyai rekod tentang jumlah kemalangan yang berlaku setakat ini dan juga jenis kenderaan yang terlibat.

Puan Hajjah Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tak ada berniat untuk hendak menarik balik sistem alat amaran had laju ini. Melalui beberapa perbincangan yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Petugas, iaitu di antara pembekal dengan pengguna, mereka telah bersetuju mengambil langkah dan tindakan untuk memperbaiki alat-alat amaran had laju yang telah dipasang yang keadaannya sekarang ini tidak begitu memuaskan. Tindakan ini akan kita buat secara berperingkat-peringkat mulai bulan ini dan dijangka akan tamat tempohnya dalam masa lima bulan. Selepas itu pelaksanaan semula alat amaran had laju ini kita harap akan dapat dimulakan dalam bulan Mac tahun depan.

Berhubung dengan jumlah kemalangan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan di sini, iaitu di Semenanjung Malaysia jumlah kemalangan pada tahun 1984, 73,727, dan pada tahun 1985 meningkat kepada 75,300. Ini bermakna pertambahan sebanyak 2.1%. Jenis kemalangan yang kita dapati terlibat ialah kereta persendirian 73,458, motosikal persendirian 29,018, lori atau van 14,867, bas 5,054, teksi 2,804.

DASAR GAS KEBANGSAAN

3. Tuan Othman bin Abdul minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membentuk Dasar Gas Kebangsaan bagi membantu pertumbuhan dan perkembangan ekonomi negara seperti di Amerika Syarikat di awal pertumbuhan ekonominya. Kalau ya, bila dan kalau tidak, mengapa.

Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah pun menggubal satu dasar tenaga yang

meliputi penggunaan empat jenis bahanapi iaitu minyak mentah, gas, hidro dan arang batu. Ini adalah sejajar dengan dasar mempelbagaikan penggunaan sumber tenaga yang tersebut di atas di mana setiap jenis bahanapi adalah merupakan alternatif kepada jenis bahanapi yang lain. Oleh itu dalam konteks ini bermakna satu Dasar Gas Kebangsaan sudah pun wujud bagi negara kita.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah menjadi dasar Kerajaan juga di dalam dasar bahanapi ini untuk membekalkan gas sebagai fuel, dengan izin, kepada isirumah-isirumah di seluruh negara melalui saluran paip-paip gas kepada pengguna-pengguna.

Soalan yang kedua, sejauh manakah dasar ini dilaksanakan dan berapakah jumlah peruntukan yang perlu dan apakah keuntungan kepada rakyat dan Kerajaan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, memang pihak Kerajaan berhajat untuk membekalkan gas kepada rumah-rumah di seluruh Malaysia apabila kita sudah sedia memasang paip yang membawa gas daripada Pantai Timur ke Pantai Barat. Sementara itu kita telah mencuba mengadakan tangki minyak di rancangan-rancangan perumahan tertentu untuk menguji kemungkinan kita membekalkan gas secara langsung daripada tangki minyak melalui paip-paip kecil, rangkaian paip kecil ke rumah-rumah.

Berkenaan dengan perkara-perkara detail, saya dapatlah bekalkan jika pihak Ahli Yang Berhormat membuat soalan secara bertulis.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berapa

peratuskah gas yang dikeluarkan di pantai Malaysia ini dibazirkan setakat ini semasa kita menunggu projek-projek yang diadakan.

Yang kedua, usaha untuk mempergunakan gas ini, tidakkah Kerajaan mencadangkan untuk menggunakan gas dengan public transport dan sebagainya seperti bas-bas Sri Jaya dan sebagainya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini saya tak dapat memberi angka yang tepat berkenaan dengan gas yang telah dibazirkan kalau dengan gas yang dibazirkan itu dimaksudkan dengan gas yang terpaksa dibakar di tempat kita mengumpul minyak dan gas. Masalah yang kita hadapi ialah kalau kita ingin membawa gas ini ke darat untuk digunakan perbelanjaannya adalah terlalu tinggi jika bekalan gas yang dibakar itu adalah terlalu sedikit.

Berkenaan dengan perkara yang kedua, memang Kerajaan ingin menggunakan gas seberapa banyak yang mungkin termasuklah gas untuk kegunaan kenderaan-kenderaan dan untuk ini dua jenis gas boleh digunakan, iaitu liquid petroleum gas dan juga natural gas.

Percubaan berkenaan dengan liquid petroleum gas ini telah pun dibuat dan didapati memuaskan, walaupun ramai juga daripada pemilik-pemilik kereta yang tidak begitu tertarik dengan alteration ataupun perubahan yang perlu dibuat kepada kereta supaya dianya boleh menggunakan gas.

RTM/TV3—PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

4. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengemaskinikan usaha penghayatan dan penerapan

nilai-nilai Islam melalui siaran-siaran RTM, TV3 dan lain-lainnya. Sila butirkan langkah-langkah yang telah dikenal pasti untuk mencapai matlamat berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sememangnya sentiasa berusaha ke arah mengemaskinikan penerapan dan penghayatan nilai-nilai Islam melalui siaran-siaran radio dan televisyen. Usaha ini disalurkan melalui rancangan-rancangan sama ada yang berbentuk agama, direct approach seperti kursus Membaca Al-Quran, Sinar Islam, Bimbingan Agama, Hadis, Tafsir Al-Quran dan lain-lain lagi ataupun melalui rancangan-rancangan yang berbentuk umum seperti program-program dokumentasi, drama dan lain-lain.

Memang saya sedar masih ada ruang-ruang untuk meningkatkan lagi usaha-usaha ke arah memperkembangkan rancangan-rancangan tersebut bagi pencapaian matlamat yang berkenaan. Bagi pencapaian maksud itu, sebuah jawatankuasa khas telah dibentuk. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang agama daripada Pusat Islam dan pusat-pusat pengajian tinggi, pakar-pakar dalam bidang penerbitan juga mereka yang ahli dalam bidang dokumentasi. Tujuannya antara lain untuk melihat program-program yang sedang dilaksanakan bagi diperbaiki dan diubahsuai menurut kehendak semasa dan untuk merancang program-program yang dapat meningkatkan lagi keberkesanan.

Mengenai TV3, Kementerian saya sedang berusaha melalui Jawatankuasa Bersama dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan untuk memastikan bahawa rancangan yang disiarkan adalah sesuai dengan budaya nasional dan tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh Kerajaan jika TV3 tidak menepati garis-garis panduan yang diberikan oleh Kerajaan.

Tuan Haji Mohamed bin Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah nilai-nilai Islam yang bercorak pentadbiran yang berunsurkan Bersih, Cekap dan Amanah yang ditayangkan dalam TV dan juga yang disiarkan dalam radio?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya nilai-nilai Islam yang diserapkan melalui program-program yang diterbitkan oleh Radio dan Televisyen ini kalau diteliti secara amati, maka kita dapati banyak nilai-nilai itu yang dapat dianggap sebagai nilai-nilai Islam iaitu nilai-nilai makruf yang sudah diterima oleh semua rakyat dan semua ummah.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa sebahagian besar siaran-siaran melalui TV3 bercanggah dengan usaha Kerajaan untuk menerapkan nilai-nilai Islam dan juga boleh meruntuhkan moral generasi baru dari berpegang dengan adat timur dan mengapakah TV Malaysia selalu menonjol-nonjol sangat dengan gambar-gambar dan bahan-bahan dari luaran, tidak dari usaha dalaman? Adakah ini kerana tidak ada orang yang berpengalaman ataupun kerana yang luar itu lebih menarik dan sesuai?

Dato' Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat program-program televisyen pada keseluruhannya, maka kita

dapati banyak perkara-perkara yang baik yang dapat menjadi panduan oleh semua tetapi kalau kita melihat secara khusus beberapa program yang tertentu, memanglah diakui masih ada beberapa rancangan yang dianggap boleh diperbaiki untuk menyesuaikan dengan kehendak-kehendak semasa dan selaras dengan budaya nasional. Walau bagaimanapun, mengenai masalah rancangan-rancangan di TV3, sekarang ini sebuah Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi tujuan untuk melihat program-program yang dianggap tidak selaras dengan kehendak semasa.

Berhubung dengan soalan yang kedua, sebenarnya usaha-usaha sedang dilaksanakan bagi tujuan untuk memperbanyakkan program-program tempatan dan mengurangkan program-program luar di samping program-program luar itu akan dipelbagaikan bukan sahaja datang daripada Barat tetapi dipelbagaikan cerita-cerita dari negara-negara yang lain juga.

TABUNG WANG LATIHAN KAKITANGAN

5. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan sejak pelaksanaan suatu panduan Bank Negara Malaysia yang menghendaki setiap institusi kewangan membayar enam bulan gaji kepada suatu Tabung Latihan Pekerja jika mengambil seorang pegawai terus daripada suatu institusi kewangan yang lain:

- (a) berapa ramai individu yang kehilangan peluang untuk bekerja dengan institusi kewangan yang lain kerana panduan Bank Negara ini dan adakah panduan ini merupakan suatu kawalan terhadap mengambil kerjanya dan menyekat pertukaran kerja yang tidak adil;

- (b) jumlah kutipan wang dalam Tabung Latihan Pekerja dan adakah jumlah wang itu telah diguna dan untuk apa; dan
- (c) adakah panduan tersebut sesuai dalam keadaan ekonomi yang kian meleset.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Tabung Wang Latihan Kakitangan ditubuhkan dengan tujuan untuk mengurangkan pemancingan kakitangan di kalangan institusi kewangan. Ia juga bertujuan untuk menggalakkan latihan dan kemajuan gunatenaga di dalam industri bank dan kewangan. Tabung Wang ini digunakan untuk memberi latihan kepada kakitangan dalam industri bank secara bersama dengan Institut Bank-bank Malaysia.

Sebelum tertubuhnya Tabung Wang Latihan Kakitangan, masalah pemancingan kakitangan telah menyebabkan wujudnya tawar-menawar yang berlebihan gaji kakitangan, melebihi kadar pertumbuhan produktiviti dalam industri bank. Institusi yang memberi latihan kepada kakitangannya secara "in-house" selalu mendapati bahawa kakitangan mereka diambil oleh institusi kewangan yang lain dengan menawarkan gaji yang lebih tinggi. Tabung Wang Latihan Kakitangan dapat mengurangkan tawar-menawar gaji yang berlebihan dan ini akan membawa kepada kedudukan tanggungjawab selaras dengan tahap sebenar produktiviti dalam industri bank.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 15hb Ogos tahun ini wang yang dipungut di bawah Tabung Wang Latihan Kakitangan ini berjumlah \$188,296. Tabung Wang ini akan digunakan oleh Institut Bank-bank bagi membiayai program latihan untuk industri bank.

Matlamat untuk mengurangkan tawar-menawar gaji yang berlebihan adalah sesuai sekali dalam masa pertumbuhan ekonomi yang perlahan sekarang oleh kerana industri bank digalakkan mengurangkan perbelanjaan yang tidak perlu dan menggunakan gunatenaga yang sedia ada dengan lebih berkesan lagi.

Di samping itu, Tabung Wang Latihan Kakitangan dapat mengurangkan jumlah perbelanjaan yang diperlukan oleh tiap-tiap institusi untuk kemajuan tenaga kerja oleh kerana kebanyakan kursus latihan diadakan oleh Institut Bank-bank dengan menggunakan Tabung Wang yang dipungut. Tabung ini tidak melibatkan kakitangan yang berpendapatan kurang daripada \$1,500 sebulan.

Tuan Abdul Mulok Awang Damit: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah keberkesannya "penalty", dengan izin, yang dikenakan untuk mencegah atau mengurangkan "pinching" dalam industri bank dan institusi kewangan yang lain?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, angka yang sebenar tidak ada pada saya tetapi dari apa yang kita ketahui, oleh sebab adanya denda 6 bulan gaji ini, sudah tentu "pinching" ini, dengan izin, telah berkurangan.

PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI— PENGWUJUDAN

6. Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan berapa lamakah Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri akan terus diwujudkan memandangkan telah wujud banyak peniaga-peniaga bumiputera yang

berkemampuan di bidang perniagaan, untuk mengelakkan persaingan kedua pihak.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri berperanan melaksanakan program-program pembangunan sosio-ekonomi di peringkat negeri-negeri. Penglibatan Perbadanan-perbadanan ini di dalam projek-projek berbagai sektor adalah sebagai pelopor bagi menggalakkan pertumbuhan-pertumbuhan ekonomi di negeri-negeri berkenaan. Sejak Dasar Ekonomi Baru dilancarkan, PKEN juga merupakan agensi Kerajaan yang utama bagi menyusun semula masyarakat.

Tanggungjawab untuk membangunkan negeri-negeri dan usaha-usaha menyusun semula masyarakat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru masih perlu diteruskan. Oleh yang demikian, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri akan terus wujud.

PKEN telah diminta untuk mengurangkan persaingan dengan peniaga-peniaga bumiputera. Sungguhpun demikian, sedikit sebanyak persaingan akan terus terdapat, bahkan peniaga-peniaga bumiputera harus memahami bahawa persaingan hebat adalah di antara mereka sesama sendiri dan di antara mereka dengan peniaga-peniaga bukan bumiputera. Belum pasti peluang-peluang perniagaan akan dapat dibolot oleh kaum bumiputera jika Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ditutup. Bahkan ramai usahawan-usahawan bumiputera sekarang wujud akibat daripada hubungan mereka dengan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Tuan Mohamed bin Isa: Tuan Yang di-Pertua, sekejap tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan bahawa penubuhan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri adalah untuk melaksanakan sosio-ekonomi dan juga pertumbuhan ekonomi negeri. Jadi, adakah Kerajaan sedar bahawa terlampau banyak anak-anak syarikat yang diwujudkan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang menjalankan perniagaan dan setengah daripadanya mengalami kerugian. Saya ingin tahu, adakah Kerajaan akan mengkaji semula tentang anak-anak syarikat yang ditubuhkan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang begitu banyak untuk mengelakkan kerugian di dalam segi perniagaan yang bersaing dengan badan-badan perniagaan lain sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera, kerana saya percaya Perbadanan ini telah mendapat kewangan daripada Kerajaan untuk menjalankan perniagaan dan sebagainya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu oleh kerana banyak projek-projek perumahan yang telah dibangunkan, yang didirikan, oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang tidak dapat dijual di seluruh negara ini dan ini merugikan Perbadanan itu, adakah Kerajaan akan menyusun semula atau mengkaji semula tentang pembinaan rumah-rumah atau kedai-kedai yang dilaksanakan oleh Perbadanan ini?

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang banyak anak-anak syarikat yang telah ditubuhkan oleh Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri dan Kementerian saya telah pun menubuhkan sebuah badan yang dipanggil Management Information System untuk mengikuti perjalanan anak-anak syarikat yang

diwujudkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri. Kita dapat memastikan sama ada syarikat-syarikat tersebut berjalan dengan baik ataupun berkeadaan dalam keadaan yang lemah atau tenat dan kita telah pun menutup beberapa anak syarikat yang didapati tenat dan tidak berkeupayaan untuk terus wujud dan maju dan banyak juga syarikat-syarikat yang lemah telah dinasihatkan untuk diperketatkan pentadbiran dan managementnya, dengan izin, dan didapati setelah diberi nasihat, mendapat perubahan yang baik.

Mengenai soalan kedua, PKEN-PKEN telah membangunkan rumah-rumah berdasarkan kepada kajian-kajian di masa keadaan hartanah adalah dalam keadaan yang memenuhi permintaan ramai. Tetapi dalam keadaan ekonomi yang lembab ini, menyebabkan banyak rumah-rumah yang dirancang dan dibina tidak dapat dijual. Tetapi sekiranya keadaan hartanah tidak begini lemah, kemungkinan rumah-rumah itu akan dapat dijual. Walau bagaimanapun, kita telah pun mengarahkan supaya setiap PKEN-PKEN mengkaji semula projek pembangunan perumahan di negeri masing-masing supaya ianya bersesuaian dengan keadaan pasaran sekarang bahkan banyak PKEN-PKEN sekarang ini telah pun melaksanakan satu sistem penjualan yang boleh mendapatkan pembeli-pembeli di disebabkan oleh tawaran-tawaran istimewa yang dibuat.

PASUKAN POLIS—TARAF KECEKAPAN

7. Dr V. David minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan menimbangkan taraf kecekapan ahli pasukan polis untuk menentang masalah jenayah yang kian bertambah dari semasa ke semasa, dan apakah tindakan Kementerian beliau akan

mengambil bagi mencegah kejadian-kejadian jenayah seperti pencurian bersenjata, rogol, pembunuhan dan sebagainya yang telah menjadi perkara-perkara biasa pada masa kini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya sentiasa merancang dan berusaha meningkatkan taraf kecekapan Pasukan Polis bagi mencegah segala bentuk jenayah yang berlaku di negara kita. Di antara langkah-langkah yang telah diambil bagi tujuan tersebut ialah dengan menubuhkan unit-unit tertentu khususnya untuk mencegah berbagai bentuk jenayah seperti rogol, rompakan dan sebagainya. Langkah-langkah mengesan, menangkap dan bertindak terhadap pesalah-pesalah juga terus dipergiatkan. Di samping itu, usaha-usaha telah dibuat melalui berbagai program dengan kerjasama media-massa bagi mendapatkan kerjasama orang ramai dalam usaha membantu pihak Polis mencegah kejadian-kejadian jenayah. Usaha-usaha juga telah dibuat bagi meningkatkan tahap profesionalisme semua pegawai dan anggota Polis melalui latihan secara pengkhususan dan profesional.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan lagi, pihak Polis sering memberi ceramah, kursus sivik dan mengadakan dialog di sekolah-sekolah, pusat pengajian tinggi, pertubuhan awam serta orang ramai bertujuan untuk menyedarkan masyarakat tentang kegiatan jenayah yang berleluasa. Pihak Polis juga memohon agar masyarakat dapat bekerjasama dengan memberikan maklumat yang boleh membanteras jenayah. Adalah diharapkan supaya masyarakat lebih berhati-hati

terhadap keselamatan diri serta harta-benda misalnya dengan memeriksa tingkap dan pintu rumah sebelum tidur, tidak memakai barang-barang kemas yang mahal semasa keluar ke bandar, memberitahu jiran atau pihak Polis apabila meninggalkan rumah untuk bercuti, sentiasa berwaspada walaupun di siang hari dan lain-lain lagi. Kerjasama masyarakat seperti yang dinyatakan tadi, pasti akan dapat menghindarkan jenayah, di samping membantu pihak Polis membanteras jenayah.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang pertamanya, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi maklumat sejauh manakah kemasukan pendatang-pendatang haram dari negara jiran menyumbang kepada kadar penjenayah yang sedikit tinggi sekarang. Keduanya, satuimbangan yang mungkin kita boleh hukum pihak Polis yang sedikit lemah ialah perhubungan awam (public relations). Apakah kursus telah diberi kepada semua pihak Polis supaya mereka boleh memperbaiki perhubungan dengan orang ramai supaya mendapat keyakinan dari orang ramai supaya mendapat maklumat-maklumat terhadap kes-kes jenayah?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan pertama terkeluar daripada soalan asal. Tidak payah jawab. Soalan kedua, boleh.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, tentang soalan kedua itu, memang dalam semua orientasi yang kita jalankan kepada anggota-anggota Polis, perkara perhubungan di antara orang ramai adalah dipertekankan. Tetapi sebagai manusia biasa, Polis juga mempunyai perasaan. Jadi, adalah terpulang kepada masyarakat dan orang ramai

juga bertimbangrasa dan mempunyai perhubungan yang baik dengan pihak Polis agar kedua-duanya dapat menjalankan kewajipan masing-masing dengan baik. Pihak Polis juga mesti bertimbangrasa, orang ramai juga bertimbangrasa, akhirnya semua orang bertimbangrasa.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Dalam memperkatakan taraf kecekapan pihak Polis, adakah ianya semata-mata bergantung ke atas latihan profesionalisme sahaja ataupun kecekapan sudah ada tetapi bilangan Polis tidak mencukupi dari segi untuk mengawasi keselamatan negara yang mempunyai penduduk yang sedang meningkat, kerana saya dapat tahu bahawa bilangan Polis adalah di dalam lingkungan 70,000 orang sahaja.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, memang benar. Sungguhpun pihak Polis mempunyai kecekapan dari segi profesionalisme dan juga sikap keanggotaan Polis masih lagi tidak mencukupi untuk menampung kehendak-kehendak masyarakat di seluruh negeri. Misalnya, bagi negeri Kedah sahaja yang baharu saya melawat, kekurangannya ialah 552 orang bagi seluruh negeri Kedah dan ini juga bagi negeri-negeri yang lain. Kalau sekiranya kita memikirkan bahawa perkara kekurangan ini disebabkan bertambahnya jenayah, Kementerian Dalam Negeri sedang menimbangkan perkara ini secara serius.

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI— KURSUS PENDIDIKAN ISLAM

8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh manakah perancangan yang telah dibuat supaya semua kursus di ITM

dan semua institusi pengajian tinggi dan maktab-maktab mempunyai ciri-ciri pendidikan Islam agar semua graduan-graduan yang keluar dari institusi-institusi tersebut mempunyai ketahanan akhlak dan moral yang cukup serta tidak perlu lagi menghantar graduan-graduan keluar negeri, seperti kelulusan ITM dalam bidang banking, umpamanya, untuk membolehkan mereka berkhidmat dengan Bank Islam, Takaful Islam atau lain-lain Institusi yang memerlukan kefahaman dan pendidikan Islam. Dan apakah tindakan untuk memperkukuhkan Dasar Pelajaran Kebangsaan supaya falsafah pendidikan dapat dipertahankan kepada ilmu dan kelahiran lisan yang seimbang dan merujuk kepada semangat perlembagaan negara bagi cita-cita menegakkan rakyat yang bersatu padu, harmoni dan kenegaraan yang tulen.

Menteri Pelajaran (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah awal telah pun diambil di institusi-institusi pengajian tinggi, maktab-maktab dan universiti-universiti untuk memperkenalkan kursus-kursus Islam seperti tamadun Islam di pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti-universiti dan mewajibkan kursus tamadun Islam di maktab-maktab perguruan. Sementara itu langkah-langkah lain tentulah diambil untuk mengkaji, meneliti supaya pendekatan Islam dapat juga diperkenalkan dan pendekatan yang menyeluruh, bersepadu dapat diperkenalkan di pusat-pusat pengajian tinggi ini.

Merujuk khusus kepada Bank Islam dan Takaful Islam, pihak ITM telah pun diminta untuk membincangkan dengan pihak-pihak berkenaan di Bank Islam dan Takaful Islam supaya

sebahagian daripada pelajar-pelajar didedahkan dengan sistem-sistem tersebut agar mereka dapat bersama-sama membantu memperkukuhkan sistem tersebut.

Selain daripada itu, sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, kita sedang mengkaji Dasar Pelajaran Kebangsaan, berdasarkan Penyata Abdul Razak dan Abdul Rahman Talib dan dalam kajian nanti, beberapa pandangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dapatlah dimuatkan agar sistem pendidikan kita mencakupi satu bidang melahirkan insan yang salih dan dapat pula menguasai persekitarannya dan menghasilkan tenaga manusia untuk pembangunan negara. Ini termasuklah perkara yang ditekankan oleh Ahli Yang Berhormat agar dapat melahirkan warganegara Malaysia yang cintakan tanahair.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kepada Dewan sama ada pelajaran yang bernilai akhlak tinggi dan budi pekerti mulia menurut ciri-ciri Islam itu hanya terhad kepada pelajar-pelajar Islam sahaja. Kalau ya, kenapa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diperkenalkan sekarang kursus-kursus Islam itu diperkenalkan hanya kepada pelajar-pelajar Islam. Namun pendekatan bersepadu ke arah melahirkan insan yang baik, yang selari dengan cita-cita Islam termasuk soal disiplin, soal akhlak, soal kerajinan, soal kefahaman tentang masalah masyarakat secara meluas, diperkenalkan untuk pelajar Islam dan juga bukan Islam. Dan saya kira pendekatan ini sudah secukupnya dan selari dengan hasrat pendidikan Islamiah itu sendiri.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Menteri kata bahawa satu kajian sedang dijalankan mengenai Dasar Pelajaran Kebangsaan berdasarkan Laporan Razak dan lain-lain. Siapa menjalankan kajian ini? Adakah kajian ini dijalankan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dalam Kerajaan sahaja atau melibatkan lain-lain pemimpin, semua parti-parti komponen, dan bukan sahaja pemimpin-pemimpin parti komponen dalam Barisan Nasional tetapi semua orang-orang yang pakar dalam pelajaran dan orang-orang berpengaruh dalam perkara ini. Oleh kerana ini satu perkara demi kepentingan semua orang ramai.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Termasuk parti Pembangkang.....

Tuan Lim Kit Siang: Termasuk parti Pembangkang (Tepuk) atau khasnya untuk pemimpin UMNO sahaja.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kajian mengenai dasar ini dibincangkan oleh parti yang menang dan perintahlah (*Tepuk*). Walau bagaimanapun, kerana kita menghormati prinsip "demokrasi penyertaan", dengan izin, "participatory democracy" dan kita menghormati keperluan membahaskan perkara ini secara terbuka dan meluas, kita telah mengesyorkan agar ahli-ahli akademik, orang-orang perseorangan, kesatuan guru, parti-parti politik boleh mengemukakan pandangan dan tentunya kita dapat memberikan jaminan bahawa pandangan-pandangan mereka akan diambil kira. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pandangan-pandangan golongan pelampau tentulah tidak dapat diterima (*Tepuk*).

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengukuh ketahanan akhlak dan moral semua pelajar-pelajar pengajian tinggi ini, bukan sahaja ciri-ciri Islam yang patut diserapkan kerana terdapat juga pelajar-pelajar yang bukan Islam. Adakah Kementerian Pelajaran mempunyai rancangan untuk menyerapkan atau membuat perancangan supaya ciri-ciri agama lain diserapkan dalam pengajian-pengajian tinggi ini?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka mengikuti sukatan pelajaran kita sekarang beliau akan ketahui bahawa dalam sukatan pendidikan moral umpamanya, semua fahaman agama dan falsafah hidup masyarakat di Malaysia ini diambil kira. Dan dalam sistem pendidikan kita apabila kita sebutkan soal disiplin, akhlak dan fahaman kewarganegaraan selain daripada kepentingan dan pendekatan Islam, tentulah kepentingan dan pendekatan hidup dan falsafah hidup masyarakat Malaysia keseluruhannya diambil kira.

PERTUBUHAN BELIA SARAWAK

9. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah insentif dan langkah-langkah motivasi yang dijalankan oleh Kementerian untuk menggalakkan muda-mudi menyertai Pertubuhan Belia. Adakah Kementerian bercadang menambahkan sekolah-sekolah latihan belia di setiap negeri di Malaysia dan berapa yang ada di Negeri Sarawak sekarang.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Wang Choon Wing) Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan

Sukan sentiasa mengadakan berbagai insentif dan langkah-langkah motivasi untuk menolong persatuan-persatuan belia mengadakan kegiatan-kegiatan bagi memenuhi keperluan belia-belie, baik di dalam mahupun di luar bandar. Kegiatan tersebut terdiri daripada latihan kepimpinan, kemahiran vokesyenal, keusahawanan dan pertanian. Di samping itu ada juga kegiatan-kegiatan berupa kerohanian, sukan dan rekreasi.

Pihak Kementerian penuh yakin terhadap kegiatan-kegiatan yang telah dinyatakan di atas itu mendapat sambutan yang baik serta menjadi daya penarik kepada para belia untuk sama-sama menyertai persatuan-persatuan belia di berbagai peringkat. Setakat ini terdapat 1.7 juta para belia yang telah menganggotai persatuan-persatuan belia. Pihak Kementerian, khususnya Bahagian Belia sedang berusaha dengan giat bersama Majlis Belia Malaysia serta persatuan-persatuan Belia yang lain untuk meningkatkan bilangan keahlian kepada 2.5 juta.

Kementerian saya memang bercadang untuk menambah bilangan pusat latihan belia di negara ini. Walaupun setakat ini negeri Sarawak masih belum mempunyai pusat latihan belia tetapi belia-belie dari negeri Sarawak juga diberi peluang untuk mengikuti kursus-kursus di keempat-empat pusat latihan di bawah Kementerian saya.

Di samping itu belia-belie negeri Sarawak juga berpeluang untuk mengikuti latihan-latihan dan kursus-kursus di negeri Sarawak di bawah bantuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha lanjut yang

dijalankan oleh pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi menarik golongan bukan Melayu menyertai pertubuhan belia memandangkan penyertaan golongan bukan Melayu dalam pertubuhan belia adalah agak berkurangan.

Tuan Wang Choon Wing: Tuan Yang di-Pertua, semua latihan ataupun program-program yang diadakan oleh Kementerian saya itu memang terbuka kepada semua kaum iaitu belia dari berbagai kaum dan belia dari merata-rata tempat. Dengan latihan-latihan dan program-program yang ada itu, Kementerian saya yakin dari masa ke semasa belia-belie dari kaum Cina akan menjadi lebih menyertai persatuan-persatuan belia.

ANAK-ANAK SYARIKAT KEMENTERIAN—PENUBUHAN

10. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah anak-anak syarikat yang ditubuh oleh pelbagai Kementerian, badan dan agensi Kerajaan;
- (b) jumlah dan peratus anak-anak syarikat yang menunjukkan kerugian sehingga akhir tahun 1985;
- (c) jumlah wang yang dirugikan oleh firma-firma tersebut dalam (b);
- (d) memberi maklumat lengkap bagaimana Kerajaan mengawal perjalanan firma-firma tersebut; dan
- (e) apakah tindakan yang diambil terhadap firma-firma tersebut.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ada lima soalan. Saya akan menjawab satu persatu.

- (a) jumlah syarikat-syarikat anak, dengan izin, subsidiary yang ditubuhkan oleh pelbagai Kementerian, badan dan agensi Kerajaan adalah sebanyak 855 buah semuanya;
- (b) sehingga akhir tahun lepas sebanyak 307 buah syarikat atau 35.9% daripada jumlah syarikat-syarikat anak itu adalah mengalami kerugian;
- (c) jumlah kerugian yang dialaminya ialah kira-kira \$2,030.7 juta;
- (d) berhubung dengan pengawalan ke atas syarikat-syarikat tersebut, tiap-tiap Kementerian dan agensi mempunyai unit-unit tertentu yang ditugaskan untuk mengawasi perjalanan syarikat-syarikat di bawah kawalan masing-masing. Unit-unit ini menjalankan kajian, analisa, membuat laporan-laporan dan mengambil langkah-langkah sewajarnya dari masa ke semasa ke atas syarikat-syarikat yang berkenaan. Di samping itu kawalan juga dilakukan melalui wakil-wakil Kerajaan yang dilantik untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Bagi mengemaskan lagi sistem pengawalan, Kerajaan telah menubuhkan satu unit khas yang dinamakan Unit Pusat Pengumpulan Maklumat (UPPM) yang ditugaskan mengumpul maklumat-maklumat yang berkaitan dengan semua syarikat-syarikat Kerajaan dan agensi-agensinya. Unit ini akan memberi maklumat-maklumat dan laporan-laporan tersebut kepada Kementerian yang mengawasi supaya tindakan-tindakan susulan dapat diambil. Sistem ini akan membolehkan Kerajaan mengetahui

kedudukan sesuatu syarikat dengan lebih cepat dan mengesan dengan lebih awal mana-mana syarikat yang menghadapi masalah;

- (e) mengenai tindakan-tindakan yang diambil terhadap firma-firma tersebut, Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sesuai ke atas syarikat-syarikat yang sedang menghadapi masalah.

Ini bergantunglah kepada keadaan dan kedudukan syarikat-syarikat berkenaan terutamanya dari segi kewangan, daya maju dan potensinya. Jika ternyata sesuatu syarikat itu lemah dan tidak menunjukkan lagi potensi dan daya majunya, ia akan ditutup. Sementara syarikat-syarikat yang masih mempunyai prospek dan berpotensi, Kerajaan akan terus berusaha dan mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki prestasi syarikat-syarikat berkenaan.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan keadaan ekonomi yang begitu merosot dan peluang untuk keuntungan yang begitu rendah, bolehkah Kerajaan mengkaji sebagaimana boleh menjualkan syarikat-syarikat yang ada di dalam kerugian kepada orang-orang pihak swasta untuk meringankan bebanan Kerajaan?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, itu cadangan yang baik, bukan soalan. Kita akan mengambil pertimbangan. Terima kasih.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, adakah benar bahawa kebanyakan dari anak-anak syarikat ini adalah Off Budget Agencies ataupun Agensi-agensi Luar Belanjawan dan tidak dapat dikawal oleh Parlimen secara langsung, oleh kerana duit itu

tidak dikeluarkan dari wang yang disatukan. Dengan demikian, adakah pihak Kementerian bertujuan untuk memerlukan anak-anak syarikat itu yang jumlahnya sebanyak 855 buah syarikat itu untuk mereka mengemukakan laporan penyata akaun tahunan kepada Parlimen supaya kami sebagai Wakil Rakyat juga boleh menyumbang kepada mengawal untuk mengatasi masalah ini.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik Tuan Yang di-Pertua, bukan kebanyakan syarikat-syarikat ini seperti disebut oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching itu tadi, terdiri dari OBA, sebenarnya semua terdiri dari OBA. Dalam pada itu berkenaan dengan akaun-akaunnya, kita berpendapat bahawa sebenarnya pihak Kerajaan sudah cukup pandai untuk meneliti, tidak payahlah dibantu lagi oleh Ahli-ahli dari DAP. Tetapi kerugian ini sebenarnya bukan disebabkan tidak ada penelitian. Memang setengah daripada syarikat-syarikat itu ditubuhkan walaupun kita tahu ianya akan rugi tetapi perlu dari segi sosial. Dan dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini memandangkan keadaan ekonomi tidak baik di mana syarikat-syarikat yang difikirkan tidak baik, tidak ada potensi seperti saya katakan tadi, akan ditutup oleh Kerajaan.

PANEL PELABURAN KWSP

11. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa pekerja-pekerja tidak diwakili di dalam Panel Pelaburan KWSP dan mempunyai hak dalam semua keputusan berkaitan dengan rancangan-rancangan pelaburan KWSP yang melibat kepentingan para pekerja.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, Panel Pelaburan merupakan satu badan khusus yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4(B) Akta KWSP 1951 dan berfungsi sebagai badan pelaburan Lembaga KWSP. Panel ini diamanatkan untuk bertanggungjawab terhadap aktiviti-aktiviti pelaburan KWSP yang bersesuaian dengan peruntukan dan garis panduan di bawah Seksyen 4(2) Akta KWSP 1951.

Perlantikan Ahli-ahli Panel bukan berdasarkan kepada perwakilan "tripartite", tetapi berdasarkan profesion serta pengetahuan dan pengalaman mereka, khususnya dalam bidang pelaburan. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan telah meminta wakil-wakil Kesatuan Sekerja untuk mengemukakan calon-calon mereka yang mempunyai pengetahuan dalam bidang pengurusan dengan tujuan untuk melantik salah seorang daripada calon-calon tersebut sebagai ahli Panel. Sehingga sekarang Menteri masih belum menerima jawapan daripada semua Kesatuan Sekerja berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua ahli Panel Pelaburan mempunyai hak dan kuasa yang sama ke atas segala aktiviti yang berkaitan dengan pelaburan dan semua keputusan yang dibuat oleh Panel dirujuk kepada Lembaga KWSP.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri beritahu (*Ketawa*)..... Timbalan Menteri Kewangan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada harapan.

Dr Eng Seng Chai: Ada harapan. Ada. Kerja kuat sedikit. Jaga wang kita, ada harapan. Bolehkah Yang

Amat Berhormat, Timbalan.....
(*Ketawa*)..... Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan beritahu kepada Dewan yang mulia ini, apakah peraturan-peraturan yang Panel Pelaburan ini ikut bila mereka peruntukkan penjualan saham-saham yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur kepada MAKUWASA dengan tidak berfaedah.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, soalan itu telah terkeluar.

Dr Eng Seng Chai: Ini berkenaan pelaburan. Keputusan Panel.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ada lain soalkah tidak? Soalan ini terkeluar.

Dr Eng Seng Chai: Inilah soalan berkenaan dengan Panel Pelaburan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan ini terkeluar. Ada lainkah tidak?

Dr Eng Seng Chai: Tetapi saya anggap soalan ini mengenai Panel pelaburan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Hu Sepang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan boleh memberitahu kepada Dewan ini setiap pelaburan dibuat oleh pihak EPF ataupun KWSP, ahli-ahli Panel itu dirujuk dan dirundingkan dan mereka memberi persetujuan dalam setiap keputusan melabur oleh pihak KWSP ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan itu pun terkeluar juga Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Mana ada keluar, masuk ini kali (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Soalan asal (*Ketawa*).

Tuan Hu Sepang: Masuk atau keluar, Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Soalan asal minta mengapa pekerja-pekerja tidak diwakili di dalam Panel Pelaburan KWSP. Ini terkeluar. Yang Berhormat yang akhir.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat menyatakan tempoh berapa tahun wakil-wakil daripada pekerja tidak diadakan di dalam panelnya? Sudah berapa lama?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, sejak ianya ditubuhkan, kita telah meminta wakil menghantar nama tetapi masih lagi belum diterima.

Dr Tan Seng Giaw: Tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Berapa tahun?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Itu saya tidak tahulah berapa tahun, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali lamalah.

AKTA PEMBERIAN PERTAMBAHAN HASIL 1977

12. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin telah membuat pernyataan bahawa Sabah oleh kerana "sesuatu alasan yang ganjil" tidak menerima sebarang bantuan di bawah "Revenue Growth Grant Act 1977" (Akta Bantuan Pembangunan Tahun 1977) yang menjanjikan pembahagian

peruntukan yang saksama bagi negeri tersebut adakah ini benar. Dan nyatakan adakah ini tindakbalas oleh Kerajaan Persekutuan terhadap rakyat Sabah.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai laporan akhbar berkaitan dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah yang kononnya negeri Sabah tidak dapat apa-apa pemberian pertambahan hasil seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pemberian Pertambahan Hasil 1977. Kementerian saya telah pun menulis surat kepada Yang Amat Berhormat iaitu pada 29hb Mei, 1986 memaklumkan bahawa kenyataan ini adalah tidak benar. Seperti negeri-negeri lain juga, Sabah ada menerima pemberian pertambahan hasil. Jumlah yang telah dibayar kepada Sabah sehingga pemberian tahun 1986 ialah sebanyak \$46.9 juta.

Datu Abdul Hamid bin Tun Datu Haji Mustapha: Tuan Yang di-Pertua, Soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi menyatakan bahawa Kementerian telah menulis kepada Ketua Menteri Sabah. Dengan itu dalam pendapat saya itu adalah alasan yang rasmi yang baik. Jadi, ingin saya bertanya dan ingin saya mengetahui daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah alasan diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada Ketua Menteri Sabah itu yang dianggap ganjil?

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, soal ganjil tidak ganjil tidak timbul. Barangkali di sini ada sedikit tersilap faham di pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ataupun barangkali Yang Berhormat Ketua Menteri telah disalah nasihatkan, itu sahaja pada pandangan saya.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

13. Dr V. David minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan angka rumah-rumah kos rendah yang telah dibina dalam tempoh Januari 1981 hingga Disember 1985, dan bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan jika bilangan-bilangan rumah tersebut yang dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keempat telah dicapai atau tidak.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari 1981 hingga Disember, 1985 daripada sasaran sebanyak 176,500 unit rumah kos rendah bagi sektor awam bilangan unit yang telah dapat disiapkan adalah sebanyak 72,308 unit. Bagi tempoh yang sama daripada sasaran sebanyak 90,000 unit rumah kos rendah, sektor swasta telah dapat menyiapkan sebanyak 22,794 unit.

Pencapaian pembinaan rumah kos rendah oleh sektor awam adalah 41.0% daripada sasaran dan sementara itu pencapaian oleh sektor swasta adalah 25.3% daripada sasaran. Walau bagaimanapun, bilangan unit rumah kos rendah di bawah sektor awam yang berada di peringkat binaan bangunan pada akhir tahun 1985 adalah sebanyak 22,431 unit atau 12.7% daripada sasaran.

Bilangan unit rumah kos rendah di bawah sektor swasta yang berada di peringkat binaan bangunan pada akhir tahun 1985 adalah sebanyak 5,960 unit atau 6.6% daripada sasaran.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

RUMAH PANGSA PDC— PENURUNAN HARGA

14. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa pembeli-pembeli rumah pangsa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menuntut dikembalikan wang lebih akibat penurunan harga rumah pangsa Perbadanan tersebut awal tahun ini. Jika ya, adakah beliau akan mengarahkan pihak Perbadanan memulangkan wang tersebut, jika ya, bila dan jika tidak, kenapa.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Saya sedar bahawa berlaku tuntutan daripada pembeli-pembeli rumah pangsa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang meminta Perbadanan tersebut mengembalikan perbezaan harga asal rumah tersebut dengan harga yang telah diturunkan oleh PDC pada awal tahun ini. Projek-projek rumah pangsa yang terlibat adalah di kawasan Bandar Bayan Baru, Bandar Seberang Jaya dan Bandar Georgetown.

Penurunan harga yang telah dibuat oleh PDC itu adalah merupakan salah satu langkah bagi mempertingkatkan prestasi jualan. Tindakan bagi mengkaji semula harga-harga rumah oleh PDC itu adalah wajar dan selaras dengan objektif Perbadanan bagi membantu rancangan Kerajaan bagi menyediakan lebih banyak rumah kepada rakyat tempatan.

Saya tidak bercadang bagi mengarahkan Perbadanan tersebut untuk memulangkan wang perbezaan

akibat penurunan harga itu. Pembeli-pembeli rumah yang berkenaan sebenarnya telah dengan sukarela menandatangani perjanjian jual-beli bagi rumah-rumah yang berkenaan. Perjanjian tersebut, dari segi undang-undang adalah sah dan telah mengikat kedua-dua belah pihak. Oleh yang demikian, pembeli-pembeli yang berkenaan tidaklah mempunyai hak istimewa untuk membuat tuntutan di atas perkara-perkara yang di luar dari perjanjian yang berkenaan. PDC sendiri akan mengalami kekurangan pendapatan akibat daripada penurunan harga bagi rumah-rumah yang berkenaan meliputi 1,326 unit bagi berbagai jenis rumah yang belum dijual itu.

OMBUDSMAN—JAWATAN

15. Tuan Peter Paul Dason minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar terdapat terlalu banyak aduan mengenai "arbitrariness" dan ketidakcekapan di banyak Jabatan Kerajaan dan sama ada beliau akan menimbangkan untuk mewujudkan jawatan ombudsman untuk mengawasi rungutan-rungutan orang ramai mengenai pentadbiran Kerajaan memandangkan aduan-aduan itu.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Kerajaan sedar perlunya mutu perkhidmatan awam dipertingkatkan lagi dan ke arah ini beberapa rancangan telah pun dilaksanakan termasuk memperkuatkan lagi Biro Pengaduan Awam iaitu sebuah agensi yang mengawasi serta menyiasat rungutan rakyat terhadap jentera perkhidmatan awam. Ingin saya tegaskan bahawa buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Ombudsman memandangkan peranan yang dimainkan oleh Biro Pengaduan

Awam adalah berkesan. Selain daripada Biro Pengaduan Awam, Kerajaan juga telah mengadakan beberapa saluran bagi memudahkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan atau mengenai sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasai tidak adil. Sebenarnya Kerajaan telah pun menubuhkan Biro Pengaduan Awam semata-mata untuk tujuan tersebut dan Kerajaan akan menumpukan perhatian bagi memperkuatkan lagi peranannya.

PERSATUAN BAHASA TIONGHUA UNIVERSITI MALAYA

16. Tuan Chiang Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Pendaftaran Persatuan Bahasa Tionghua di Universiti Malaya akan diluluskan dan sama ada Kerajaan telah memerintah pihak UKM dengan segeranya membenarkan Majlis Pelajar Tionghua menjalankan kegiatannya semula.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji dan meneliti permohonan penubuhan Persatuan Bahasa Tionghua di Universiti Malaya. Berhubung dengan Majlis Pelajar Tionghua di UKM pula, sebenarnya Majlis tersebut tidak pernah diwujudkan di universiti berkenaan. Oleh kerana itu soal membenarkannya menjalankan kegiatan semula tidak timbul.

PERTUNJUKAN SALIB DI SEKOLAH KRISTIAN

17. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah suatu dasar Kerajaan melarang pertunjukkan salib (cross) dan gambar-gambar suci Kristian di sekolah-

sekolah Kristian (Missionary Schools), dan jika ada dasar begitu, bilakah ianya dikuatkuasakan.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Kementerian Pelajaran tidak mempunyai dasar tertentu mengenai pameran Salib dan gambar-gambar suci Kristian di sekolah-sekolah mission. Walau bagaimanapun Kementerian ini tidak ada halangan bagi sekolah-sekolah tersebut mempamerkan salib (cross) dan gambar-gambar suci Kristian asalkan sekolah-sekolah itu mengambil kira kepentingan dan sensitiviti pelajar-pelajarnya yang terdiri dari berbagai kaum dan agama.

DATO' MUSA HITAM—TUDUHAN RASUAH

18. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Badan Pencegah Rasuah telah menyiasat dan jika ya, hasil kes di Mahkamah di Johor Bahru iaitu bahawa bekas Timbalan Perdana Menteri, Dato' Musa Hitam, telah menerima draf bank sebanyak \$1 juta yang ditulis atas nama "UMNO Building Society" daripada dua syarikat iaitu Bakland Sdn Bhd dan Dapat Sdn Bhd sebagai sumbangan politik dengan harapan "favours" akan diberi kepada kedua-dua syarikat tersebut dan bahawa salah seorang daripada pemegang saham Syarikat Bakland ialah Haji Daud Taha yang kini adalah Timbalan Menteri Perusahaan Awam di mana beliau memegang saham bernilai \$18 juta yang beliau memegang tanpa membuat apa-apa bayaran.

Dato' Oo Gin Sun: Berhubung dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung, kes berkenaan adalah di dalam siasatan BPR.

RANG UNDANG-UNDANG

3.35 ptg.

RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN
1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (4hb November, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dijemput Yang Berhormat dari Bukit Mertajam menyambung ucapannya. Yang Berhormat hanya ada 13 minit lagi.

Tuan Chian Heng Kai (Bukit Mertajam): Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta maaf ada 17 minit.

Tuan Chian Heng Kai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Semalam saya berkata, di Semenanjung Malaysia terdapat lebih daripada 40% penduduk kaum bukan Melayu, akan tetapi mereka hanya dapat memilih kira-kira 30% lebih Ahli Parlimen sahaja. Ini jelas sekali bertentangan dengan prinsip demokratik iaitu seorang seundi. Dalam perkara ini saya bercadang bahawa bilangan kerusi dalam Parlimen dan Dewan-dewan Undangan Negeri dikira berdasarkan kepada jumlah bilangan undi yang diperolehi oleh parti itu. Satu lagi unsur yang menyebabkan timbulnya perasaan perkauman antara orang bukan Melayu adalah pembahagian jawatan bagi orang bukan Melayu di dalam Kabinet.

Sejak kemerdekaan tahun 1957 tidak ada seorang bukan Melayu pun yang memegang sebarang jawatan yang penting seperti Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pertahanan dan Menteri Pelajaran. Pada masa dahulu jawatan penting seperti Menteri Kewangan dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah dipegang oleh orang bukan Melayu, akan tetapi kini kedua-dua jawatan ini sudahpun diambilalih oleh UMNO, alasan bahawa tiada seorang bukan Melayu pun yang layak memegang jawatan-jawatan tersebut, tidak akan dipercayai langsung oleh sesiapa pun. Di bawah keadaan yang begini maka tidak hairanlah perasaan perkauman semakin hari semakin bertambah buruk di kalangan orang-orang bukan Melayu.

II. Ekonomi.

Matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tanpa mengira kaum, akan tetapi dasar ini telah membahagikan rakyat negara ini dalam golongan bumiputera dan bukan bumiputera yang dimestikan pula bumiputera diberikan peratusan tertentu, dalam saham-saham tertentu. Justeru itu penyelewengan Dasar Ekonomi Baru yang dilakukan oleh Barisan Nasional adalah salah satu unsur yang menimbulkan perasaan perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti kenapa Kerajaan Barisan Nasional mahu membahagikan rakyat Malaysia kepada bumiputera dan bukan bumiputera. Dalam pembangunan ekonomi negara kita kewujudan pembahagian ini akan melambatkan perkembangan negara serta membawa akibat yang buruk.

Saya bercadang Kerajaan mengajak pakar-pakar sosio-ekonomi untuk mengkaji semula D.E.B. agar boleh merumuskan satu polisi ekonomi baru yang berdasarkan kepada kaya miskin dan bukan kaum untuk menggantikan D.E.B. sekarang. Ini akan menolong dan membantu orang Tionghua dan India yang miskin juga boleh memperbaiki keadaan terdesak kaum Melayu dan menambahkan hasil pendapatan mereka. Ini akan mendekatkan D.E.B. digunakan sebagai alat parti segelintir Melayu untuk menambahkan kekayaan dan sebahagian orang Tionghua dan orang India yang memang sudah kaya lebih kaya.

III. Kebudayaan.

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang berbilang kaum dan

agama, akan tetapi Kerajaan hanya menerima kebudayaan bumiputera dan agama Islam sebagai teras Budaya Nasional dan kebudayaan kaum-kaum lain diketepikan dan tidak diterima kerana dianggap kebudayaan datang dari luar. Tidak dapat dinafikan bahawa ini adalah satu penyelewengan dan diskriminasi yang besar, layanan buruk ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dan tidak senang di kalangan orang bukan Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan memberitahu Dewan ini apakah kesalahan dan kerugiannya untuk menerima kebudayaan Tionghua dan India sebagai Kebudayaan Nasional. Sekiranya tidak ada apa-apa kerugian kepada kaum bumiputera kenapa ia diketepikan, bukankah dengan penerimaan lain-lain budaya ke dalam Kebudayaan Nasional boleh menambahkan perasaan kekitaan di negara ini.

IV. Pelajaran.

Rakyat Malaysia khususnya kaum Tionghua dan India boleh dikatakan merasa tidak puas hati dan tidak senang sekali di dalam aspek pelajaran. Kedua-dua kaum ini berasa dianaktirikan sama ada dalam aspek peruntukan wang pembangunan sekolah dan peluang masuk ke universiti, mereka terpaksa berjuang untuk hidup belajar bahasa ibunda mereka sejak awal.

Di zaman penjajahan walaupun layanan yang diterima oleh sekolah bahasa ibunda tidak sebaik dengan sekolah Inggeris, akan tetapi ia juga mendapat subsidi, tetapi subsidi ini hilang dan lenyap sebaik sahaja negara ini mencapai kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham kenapa Kerajaan tidak memberi bantuan 100% kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghua dan Tamil dan tapak tanah mereka bukan dipunyai oleh Kerajaan, bukan itu sahaja malah bantuan \$1.00 kepada \$1.00 juga tidak dihulurkan. Kenapa janji ini dibuat, tetapi tidak ditunaikan. Pada kebanyakan Sekolah Jenis Kebangsaan Tionghua Kerajaan bukan sahaja dapat menjimatkan tanah bagi mendirikan bangunan sekolah, ia juga dapat jimatkan wang untuk mendirikan bilik-bilik darjah. Oleh yang demikian, Kerajaan patutlah mengucapkan terima kasih kepada para Ahli Jemaah Sekolah Jenis Kebangsaan iaitu dan di samping itu ia juga perlu membantu dan menolong sekolah-sekolah ini dalam pembangunan pada masa hadapan serta memberikan layanan yang sama dan adil kepada mereka ini.

V. Agama.

Baharu-baharu ini terdapat orang-orang bukan Islam dipaksa atau dipujuk memeluk agama Islam. Kejadian ini telah mengakibatkan orang ramai khususnya orang-orang beragama lain merasa takut, bimbang dan khuatir.

DAP menghormati semua agama tetapi kami tidak setuju dengan segala bentuk paksaan terhadap seseorang memeluk agama Islam, Buddha, Sikh, Hindu dan Kristian sekalipun. Kami juga tidak boleh menerima pemuda dan pemudi yang masih di bawah jagaan ibubapa mereka dipaksa masuk apa-apa agama tanpa kebenaran ibubapanya kerana memisahkan anak dengan ibubapa adalah satu perbuatan yang kurang tamadun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kes-kes penyelewengan tersebut di atas berbau perkauman tetapi nampaknya Kerajaan tidak mahu membetulkan kesilapan ini, malah

Kerajaan berdiam diri seolah-olah bersetuju dengan perbuatan ini. Perbuatan ini makin hari makin menjadi serius dan buruk. Ini sangat mengecewakan rakyat kita. Apabila pemimpin-pemimpin bukan Melayu dalam Barisan Nasional gagal mempertahankan kepentingan kaumnya dan demi menutup kelemahan mereka, mereka sering kata, itu adalah kerana pegawai Kerajaan salah tafsiran atau melakukan penyelewengan di dalam pelaksanaan dasar. Dalam aspek ini, parti MCA, Gerakan, MIC dan SUPP haruslah bertanggungjawab sepenuhnya oleh kerana parti-parti ini telah banyak kali menutup dan menerima kesilapan ini, maka UMNO barulah boleh berkali-kali membangkitkan dan melaksanakan dasar-dasar yang berbau perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, jika penyelewengan atau salah tafsiran ini berlaku hanya sekali dua ini boleh diterima oleh orang ramai, tetapi perkara seperti ini bukan sekali malah berkali-kali dan berulang-ulang telah menimbulkan perasaan tidak senang dan berbau perkauman. Saya tidak percaya bahawa pegawai-pegawai Kerajaan berani memandang rendah usaha pembinaan negara dan masyarakat dan sengaja melakukan penyelewengan dan salah tafsiran dalam menjalankan tugasnya. Jelasnya ini bukan kesilapan. Jikalau penyelewengan disengajakan, kenapa pegawai-pegawai yang berkenaan tidak diambil tindakan yang tegas?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak-pihak yang berkenaan memberitahu Dewan ini sejak merdeka berapakah pegawai-pegawai yang berkenaan telah diambil tindakan tatatertib atas sebab tersebut? Kalau tidak ada seorang pun bukan bermakna apa yang dijalankan bukan ini menyeleweng dan sebenarnya pelaksanaan mereka adalah betul-betul bersemangat tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pentadbiran, bahagian yang agak dipuji oleh orang ramai ialah Kehakiman. Secara umum bahagian ini agak adil akan tetapi ada juga cacatnya sedikit. Kes-kes bertimbun-timbun tinggi di Mahkamah. Setengah-setengah kes ditangguh-tangguhkan bertahun-tahun lamanya. Ini telah menyebabkan kesusahan kepada orang yang berkeuaan dan juga menjejaskan sifat pengadilan dan disanjung tinggi oleh orang ramai.

Dalam pilihanraya tahun 1986 yang baru lepas ini terdapat hampir 50% pengundi, kebanyakannya orang bukan Melayu yang telah membuang undi menunjukkan ketidak puasan dan ketidak senang terhadap dasar-dasar perkauman yang dijalankan oleh Barisan Nasional tetapi nampaknya Barisan Nasional yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan parti UMNO sebagai terasnya itu tidak mahu menerima hakikat ini. Jika dipandang dari segi kepentingan UMNO mungkin perbuatan Dato' Seri Dr Mahathir itu adalah betul, akan tetapi jikalau dipandang dari kaca mata rakyat Malaysia, perbuatan dan sikap tersebut sudah tentu salah sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan sebelum terlewat dalam kesusahan ini ditubuhkan sebuah jawatankuasa yang mengandungi segala wakil-wakil parti politik untuk mengkaji dan menyusun semula dasar dalam usaha pembinaan negara. Biar kikiskan perkauman dan melepaskan diri dari kongkongannya dan menuju ke arah pembinaan masyarakat Malaysia yang sihat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Rajang.

3.45 ptg.

Dr Nicholas Munong Ibau (Rajang): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya membuat ucapan dara saya di Dewan yang mulia ini mengambil bahagian membahas ke atas Ucapan Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 yang baru lalu.

Dari scenario yang digambarkan oleh keseluruhan Belanjawan bagi tahun hadapan, saya dapati ianya sederhana dan tidak membebankan rakyat miskin. Syabas saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan rakan-rakannya yang merangka Belanjawan yang menyeluruh. Meskipun demikian, ada juga di kalangan kita yang tidak puas hati oleh tekanan Belanjawan itu, tetapi sudah sememangnya ia harus bercorak demikian untuk menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab dan hasil negara yang berkurangan. Dalam konteks ini, rakyat haruslah bersama-sama menghadapi cabaran dan berkorban demi kesejahteraan dan mengukuhkan lagi ekonomi negara.

Dasar Ekonomi Baru

Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh kagum dan menjunjung tinggi ke atas kesediaan dan lantanganya para pemimpin UMNO dalam memperjuangkan nasib masa depan masyarakat Melayu dan bumiputera keseluruhannya. Saya sungguh kesal sekali ada di masyarakat kita yang mempertikaikan niat suci yang terkandung dalam aspirasi Dasar Ekonomi Baru iaitu untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia. Saranan para pemimpin UMNO supaya DEB itu

harus dilanjutkan tempohnya selepas tahun 1990 adalah wajar memandang kepada pencapaiannya. Setakat ini saya menyokong Dasar Ekonomi Baru haruslah dilanjutkan memandang dari awal pelaksanaan DEB, kami bumiputera belum dapat pencapaian yang sewajarnya. Sekiranya ada di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini meragukan pandangan saya ini, dengan ini saya menjemput Yang Berhormat berkenaan datang ke Sarawak terutamanya menilai sendiri keadaan pencapaian DEB yang sebenar.

Pembangunan Luar Bandar

Tuan Yang di-Pertua, jurang perbezaan di antara pembangunan dan pendapatan di luar bandar dan di bandar adalah amat ketara. Strategi-strategi Kerajaan yang memberi keutamaan kepada projek-projek pembangunan luar bandar di mana kemiskinan masih lagi tinggi amat mencerminkan Kerajaan yang bertanggungjawab dan mengukuhkan lagi hasrat Kerajaan yang ingin meningkatkan taraf kehidupan ekonomi dan sosial penduduk luar bandar selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, di antara negara-negara yang membangun ataupun negara-negara di rantau ASEAN, negara kita telah diketahui sebagai negara yang sudah mencapai satu sistem pemindahan yang amat baik. Pandangan itu adalah amat betul sekiranya kita memandangkan kepada pencapaian yang wujud di Semenanjung di mana terdapat lebuh raya yang teratur di bandar-bandar, jalan raya yang menyalur ke pekan-pekan, ke kampung-kampung walaupun ada sesuatu tempat yang masih belum dihubungi dengan jalan raya ataupun sudah dihubungi dengan jalan raya tanah merah. Tiap kali bila saya datang ke Kuala Lumpur dan melawat ke kawasan sekelilingnya

di mana terdapat sistem jalan raya yang amat memuaskan, saya merasa seolah-olah saya ini bukan di Malaysia oleh kerana Malaysia yang saya ketahui di kawasan saya, Rajang, sistem jalan raya masih jauh ketinggalan.

Bagi kami di Sarawak banyak lagi penduduk di luar bandar terpaksa berjalan kaki berjam-jam atau berjalan jauh berbatu-batu menuju ke arah jalan utama sebelum menaiki bas. Di musim tengkujuh jalan raya itu pun kadang-kadang terputus. Begitu juga nasib menimpa "feeder road", dengan izin, kadangkala itu terbiar sahaja, tidak dibaiki dan tidak dilalui oleh kenderaan. Contohnya, baru-baru ini saya terpaksa berjalan kaki dua jam menggunakan feeder road ke Ulu Naman yang tidak pernah dibaiki sejak ianya telah dibuat beberapa tahun yang lalu dan sampai ke saat ini kenderaan tidak boleh lalu ke sana. Saya tidak tahu ke manakah peruntukan projek pembangunan Ahli Parlimen kawasan Rajang selama ini digunakan kalau tidak kepada projek jalan raya yang begitu perlu kepada rakyat.

Ada juga terpaksa menggunakan perahu dan enjin sangkut mengikut aliran sungai yang memakan masa yang lama dengan menelan belanja yang besar, oleh kerana harga petrol agak mahal di luar bandar, kadang-kadang segelen harganya \$7.50 sen. Kekurangan sistem pemindahan yang memuaskan menjadi masalah yang besar yang membebankan kehidupan penduduk luar bandar. Pembinaan jalan raya di luar bandar adalah keperluan asas bagi kami.

Bagi kawasan saya, saya mencadangkan supaya Kerajaan membina jalan raya "feeder road", dengan izin, ke tempat perkampungan di Hulu Mukah, Sungai Song Hilir dan Sungai Song Tengah. Begitu juga saya

mencadangkan supaya Kerajaan memperbaiki, feeder roads, yang sudah dibina seperti di Hulu Asan, Hulu Naman, Hulu Durin dan Pasai. Bagi kami di kawasan luar bandar Sarawak, jalan raya tanah merah kami terima dengan jutaan terima kasih.

Pertanian dan Pembangunan Tanah

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di kawasan saya kebanyakan mereka bergantung penuh kepada projek pertanian. Oleh itu saya amat tertarik kepada langkah Kerajaan yang memberi keutamaan yang paling tinggi kepada sektor pertanian dengan peruntukan sebanyak \$1,623 juta dan dari jumlah itu \$619 juta diuntukkan khas kepada pembangunan tanah melalui agensi pembangunan tanah seperti FELDA, FELCRA dan RISDA.

Di kawasan saya, satu rancangan pertanian yang dijalankan oleh Kerajaan negeri yang menggalakkan ialah skim pertanian berkelompok yang dinamakan sebagai Skim Kampung Contoh. Rancangan ini diterima dengan baik oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Memandangkan kepada peruntukan yang begitu besar, saya berharap Kerajaan Pusat dapat memberi peruntukan sewajarnya kepada Sarawak supaya Kerajaan Negeri dapat memperluaskan lagi kegiatannya di tahun hadapan. Rancangan-rancangan pertanian dan pembangunan tanah yang dijalankan di kawasan saya melalui agensi-agensi pembangunan tanah belum dapat dibanggakan. Oleh itu sambutan penduduk kepada rancangan yang dicadangkan oleh pihak agensi-agensi pembangunan tanah seperti FELCRA, baru-baru ini belum menggalakkan. Ini bukan bererti penduduk tidak mahu kemajuan atau pembangunan tetapi mereka

mengambil langkah berjaga-jaga supaya nasib masa depan mereka terjamin dan tidak mengalami kegagalan seperti projek-projek yang dijalankan selama ini yang belum dapat dibanggakan.

Di sini saya ingin memberi pengetahuan kepada pembangunan tanah di kawasan Parlimen saya iaitu Skim Penempatan Semula Nangasekuau. Di awalnya skim ini ditubuhkan ianya adalah semata-mata untuk menempatkan para penduduk yang terlibat dalam kawasan keselamatan Rajang iaitu RASCOM dari pengaruh oleh pihak pengganas komunis. Pada hakikatnya keperluan keselamatan skim itu didapati berjaya mengatasi rakyat dari pengaruh oleh pihak komunis tetapi apabila peneroka yang datang dari berbagai rumah panjang dan seluruh ceruk di rantau keselamatan itu, ke suatu tempat atau pusat keselamatan secara mendadak, maka sudah tentu ianya mendatangkan berbagai-bagai masalah ekonomi.

Di peringkat awalnya Skim Keselamatan Penempatan Semula Nangasekuau ada dijalankan rancangan tanaman lada hitam, tetapi projek itu mengalami kegagalan yang teruk disebabkan oleh sakit buruk urat. Kemudian projek tanaman lada itu diambil alih oleh agensi pembangunan tanah FELCRA dan ditanam semula dengan koko.

Sejak Skim Penempatan Semula Nangasekuau dilancarkan pada tahun 1974, rancangan projek pertanian belum mengeluarkan hasil yang dapat dibanggakan. Dimaklumkan bahawa sekarang dari setiap satu keluarga seorang sahaja diambil bekerja di ladang koko, dengan gaji yang sederhana. Pendapatan dari itu tidak mencukupi menampung keperluan hidup keluarga sekalian. Ahli-ahli keluarga yang lain kadangkala

terpaksa pulang ke tempat asal mereka bertanam padi dan sebagainya oleh kerana pendapatan di skim Nangasekuau tidak mencukupi. Ada juga sebahagian ahli-ahli keluarga penduduk terpaksa mencari kerja keluar dari kawasan penempatan.

Kejadian serupa itu berlaku kerana para peneroka di situ bukan dipilih kerana meritnya atau kemampuan untuk menjadi peneroka di Skim itu tetapi ditempatkan kerana sebab keselamatan. Keduanya masalah itu timbul kerana rancangan awal tidak dapat menampung bilangan penduduk yang ramai sekaligus.

Kejayaan atau kegagalan sebuah rancangan pertanian bergantung kepada banyak aspek seperti pengurusan, pasaran dunia, kerosakan dari serangan penyakit dan sebagainya.

Bertolak dari pengalaman di Skim Nangasekuau, saya berpendapat sekiranya skim penempatan begitu dijalankan atau rancangan-rancangan pertanian melalui agensi-agensi pembangunan tanah dijalankan di masa depan, saya bercadang para peneroka ditempatkan secara berkelompok berdekatan dengan tempat asal mereka, untuk mengelakkan dari masalah pengurusan yang besar dan penyeliaan yang besar. Di samping itu juga masalah dapat diatasi sekiranya rancangan itu mengalami kegagalan. Kalau bilangan yang begitu besar gagal, maka sudah tentu berat bagi Kerajaan yang memikulnya, manakala kalau ianya dalam kelompok yang sederhana, masalah pun begitu juga. Sekiranya ini dibuat kerana kita ketahui setiap rancangan itu memakan belanja yang besar, kadangkala Kerajaan terpaksa meminjam dari sumber luar untuk menjayakannya. Kalau wang itu dipinjam semesti ianya

dibayar dan jika projek itu gagal, sudah tentu rakyat yang menyertainya akan menderita dan Kerajaan terpaksa menanggungnya.

Di masa ini para pekebun dan petani di seluruh negara mengalami harga yang agak mahal bagi bekalan keperluan seperti baja, racun rumpai dan racun serangga yang menyebabkan kos pengeluaran yang tinggi. Dengan ini saya mencadangkan supaya Kerajaan membantu para pekebun dan petani keseluruhannya memandangkan kepada keadaan ekonomi yang meleset dengan menurunkan harga keperluan ke atas bahan keperluan para pekebun dan petani seperti racun rumpai dan racun serangga dan baja. Dengan penurunan ini nanti sudah tentu dapat menambah keluasan tanaman di samping meningkatkan produktiviti di sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan yang mengambil berat kepada pembangunan projek keperluan asas seperti pembinaan projek bekalan air, bekalan elektrik dan pembinaan pusat kesihatan dan klinik desa amatlah berpatutan. Banyak lagi kampung di luar bandar belum menerima perkhidmatan asas. Langkah Kerajaan adalah sejajar dengan tujuannya yang akan memberi, dengan izin, health for all by the year 2000.

Bagi kami di Sarawak banyak tempat perkampungan yang belum mendapat perkhidmatan kesihatan yang sempurna, banyak tempat perkampungan yang belum ada klinik, apa lagi pakar, pembantu hospital pun tidak ada.

Di kawasan saya tempat perkampungan yang amat sukar ialah tempat perkampungan rumah panjang di Nanga Arau, Ulu Mukah dan di Sungai Siong di daerah Sibuh. Saya

mencadangkan supaya Kerajaan membina sebuah pusat kesihatan di kedua-dua tempat tersebut untuk keperluan penduduk di situ yang amat jauh dari bandar dan klinik. Setakat ini di kedua-dua tempat yang saya sebutkan tadi, para penduduknya terpaksa menggunakan perahu dan enjin sangkut apabila hendak pergi ke bandar berjumpa dengan doktor. Perjalanan itu akan memakan masa yang panjang dan menelan belanja yang besar. Kadang kala di musim kemarau di Hulu Nanga Arau, Mukah, penduduk di situ terpaksa "berbatak", dengan izin, "the people have to pull their boats along the areas of dried river-bed".

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh tentang tindak-tanduk sebahagian ahli komponen Barisan Nasional di Sarawak. Selepas sahaja keputusan pilihanraya diumumkan sebelum saya membuat apa-apa langkah sebagai Ahli Bebas, kita telah melihat di akhbar tempatan di mana Ahli-ahli dari SNAP dan SUPP juga dengan hebat-hebatnya menentang dan membangkang kemasukan saya ke Barisan Nasional. Selama ini saya tak mahu membuat perkara ini jadi isu debatan di akhbar, tetapi di Dewan yang mulia ini saya tak mahu disindir lagi.

Di sini saya ingin memberitahu kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat di negara ini mengapa saya berjuang tersendiri sebagai Ahli Bebas dan Calon Bebas. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat bersimpati dengan perjuangan saya, dengan ini saya mohon bantuan dan sokongan dari semua pihak supaya saya akan menjadi ahli yang berkesan. Saya akan bekerjasama dengan semua pihak, baik pun dari Barisan Nasional, mahupun dari Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin bertanya adakah Ahli dari SNAP atau SUPP sahaja yang dapat membela rakyat dan negara? Tidak. Saya rasa, tidak. Itulah sebabnya kita banyak di Dewan yang mulia ini supaya kita dapat berunding bersama-sama membangunkan negara yang kita cintai ini. Tetapi mengapa terutamanya Ahli-ahli dari SNAP membangkang saya dengan menggunakan akhbar-akhbar tempatan dengan hebatnya seolah-olah saya dianggap sebagai musuh rakyat dan rupanya tiada apa jua sumbangan yang saya akan beri.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli dari SNAP dan SUPP haruslah bersikap bekerjasama dan menerima keputusan rakyat. Inilah masanya kita berterusterang dan mementingkan rakyat dari kita mementingkan diri sendiri. Dengan izin, "We need every able man and a dedicated leader to serve the people and make this country a strong nation. For SNAP to object to my participation is a clear indication that they are not sincere to the people whom I serve."

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh merujuk sahaja, bukan memberi ucapan dalam bahasa Inggeris.

Dr Nicholas Munong Ibau: Saya minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli dari SNAP ataupun Ahli dari Bandar ataupun Ahli dari Mas Gading tak terdaya pergi ke Ulu Mukah, Ulu Tamin, Naman, Oya, Igan dan Bawang Assam dan lain-lain menjadi penggerak utama kepada rakyat, mengapa tidak menganggap saya sebagai wakil, sebagai kawan yang mewakili rakyat di kawasan Rajang. Selama ini semasa saya menjalankan tugas harian saya, saya selalu merasa sedih dan kasih melihat si pesakit yang

banyaknya dari kalangan yang berkurangan yang mendapat rawatan dari saya. Oleh yang demikian, saya merasa bertanggungjawab mengapa tidak saya mencebur diri ke bidang politik supaya mengambil bahagian membela rakyat yang masih dalam ketinggalan dalam semua aspek pembangunan. Perjuangan saya bukan hendak menentang Kerajaan Barisan Nasional walaupun saya duduk di Blok Pembangkang, tetapi hendak membantu dan membela rakyat dan mengambil bahagian membasmi kemiskinan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat kesal sekali dengan tindak-tanduk Ahli dari Bandar Sibü di masa Yang Berhormat berucap pada 4-11-86 yang lalu di mana Yang Berhormat menggunakan peribahasa yang bukan parliamentary yang telah memalukan Dewan yang mulia ini untuk menyindir ahli-ahli yang lain. Kita harus mengampuni Ahli dari Bandar Sibü, mungkin beliau belum dididik dengan betul.

Tuan Yang di-Pertua, di masa pilihanraya yang lalu Kerajaan di masa itu telah digubal, rakyat berkempen dan membuang undi bukan melawan Kerajaan, tetapi mengekalkan sistem demokrasi yang berparlimen membentuk Kerajaan. Sebelum Ahli Yang Berhormat dari Sibü membuat tuduhan dan sangkaan yang tidak betul menyangka rakyat di Serian melawan Kerajaan, Yang Berhormat sendiri patutlah mendabik dada dan menanya diri sendiri mengapakah calon SUPP sahaja yang kalah kepada calon Bebas dan DAP. Sekiranya Ahli dari Bandar Sibü terus menekankan rakyat melawan Kerajaan, ini akan menimbulkan suasana yang tidak baik. Sesiapa yang mengatakan rakyat melawan Kerajaan, bukan rakyat yang melawan Kerajaan tetapi orang yang berbuat demikian yang melawan Kerajaan Rakyat adalah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Sibü belum sedar, mengapa calon SUPP kalah di kawasan Rajang dan Serian.....

Tuan Tieu Sung Seng: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Tieu Sung Seng: Minta penjelasan.

Dr Nicholas Munong Ibau: Saya tak mahu beri jalan.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tak mahu beri.

Dr Nicholas Munong Ibau: Tuan Yang di-Pertua, sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Sibü belum sedar, mengapakah calon SUPP kalah di kawasan Rajang dan Serian, di sini saya ingin menerangkan sebab-sebabnya adalah begini. Kedua-dua calon SUPP yang bertanding di kawasan Rajang dan Serian adalah bekas Ahli Parlimen yang telah mewakili kawasan itu lebih dari 3 penggal, "more than 3 terms", dengan izin. Sejak 15 tahun SUPP dan wakil SUPP mewakili kedua-dua kawasan itu, rakyat masih dalam ketinggalan dalam apa juga rancangan dan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Bolehkah gulungkan?

Dr Nicholas Munong Ibau: Ya, sedikit sahaja. Rakyat di kawasan Rajang dan Serian tidak ada kepercayaan lagi kepada SUPP dan calon SUPP oleh kerana mereka tidak menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi yang memuaskan rakyat.

Dengan keterangan ini saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari Barisan Nasional, khususnya dari pihak SNAP dan SUPP yang

mengutamakan dan mementingkan rakyat dari kita mementingkan diri sendiri, dari saat ini menganggap saya bukan lagi pihak lawan tetapi pihak kawan, sejawat, seperjuangan membasmi kemiskinan di negara ini.

Akhirnya, saya menyokong ke atas Belanjawan yang dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan sekali lagi menghulurkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi saya masa mengambil bahagian membahas Belanjawan 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Semporna.

4.08 ptg.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai (Semporna): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk berucap dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dapat kembali ke Dewan yang mulia ini setelah diberi berihat selama satu penggal dan sekarang dapat kembali ke Dewan ini mendengar Ucapan Belanjawan Negara 1987 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita, sambil dapat peluang untuk menyampaikan kehendak-kehendak rakyat yang saya wakili untuk pengetahuan dan tindakan Kerajaan selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan bagi tahun 1987 ini merupakan satu belanjawan pengorbanan, tetapi munasabah dan menggalakkan. Ia sesuai dengan keadaan dan kehendak zaman, tidak menaikkan cukai, kecuali minuman keras dan rokok, tetapi bergerak dengan tujuan

memperbaiki pertumbuhan ekonomi dan meneruskan tanggungjawab terhadap golongan berpendapatan rendah yang masih memerlukan bantuan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini sungguhpun nampaknya lembut, tetapi ia menyenangkan rakyat kerana Kerajaan akan terus menyediakan pembiayaan yang cukup untuk projek-projek kemudahan asas, projek-projek pertanian, kesihatan, pelajaran, perumahan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana telah menjadikan negara kita Malaysia ini sebuah negara yang aman dan makmur serta membangun. Semua kaum bangsa yang berbilang suku dan agama hidup dalam gembira dan bersatu di dalam pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional. Kita patut bersyukur mendapat pemimpin-pemimpin seperti dalam negara kita Malaysia ini yang telah berkorban dan berusaha untuk membangunkan Malaysia menjadikan sebuah negara yang setanding dengan negara-negara lain di dunia ini. Jikalau dibandingkan negara kita ini dengan setengah negara-negara dalam dunia ini yang mana terdapat rakyatnya hidup dalam kemiskinan, kebuluran dan menderita, berpenyakit, setengahnya, dan ada yang dilanda peperangan dan banyak mengorbankan jiwa rakyatnya. Tetapi saya berasa hairan ada puak-puak di dalam negara kita ini yang tidak menyedari segala pemberian Tuhan dan usaha Kerajaan dan pemimpin-pemimpin ini yang masih lagi asyik memburuk-buruk dan mengecam pemimpin di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah merdeka hampir 30 tahun dan saya percaya Kerajaan Persekutuan sudah mengenalpasti kampung-kampung terutama kampung

bumiputera di seluruh negara yang ketinggalan begitu jauh dalam segi pembangunan di zaman ini. Kita meminta Kerajaan dengan peruntukan yang ada dalam Belanjawan 1987 ini menumpukan keutamaan bagi aspek ini dan membangunkan kampung-kampung tersebut kerana sosio-ekonomi rakyat di kampung-kampung sangatlah rendah dan ketinggalan dan setengah-setengahnya menyedihkan. Mereka masih hidup dalam keadaan kekurangan, di antara mereka belum dapat menikmati kemudahan-kemudahan asas seperti air, lampu elektrik, klinik-klinik kesihatan dan bimbingan pembaikan hasil pertanian dan penternakan dan kemudahan-kemudahan jalan raya, perhubungan di antara satu kampung dengan kampung yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, di Sabah umpamanya, banyak lagi kawasan-kawasan di luar bandar pendalaman dan pulau-pulau masih hidup secara asli. Kawasan-kawasan seperti di kawasan saya Silam, Semporna, Kinabatangan, Papar, Limbawang dan lain-lain daerah di negeri Sabah masih hidup dalam serba kekurangan dan kemunduran, khasnya di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan-pembangunan kemudahan asas seperti air paip, lampu elektrik, surau-surau dan juga balairaya-balairaya, jeti, klinik-klinik dan jalan-jalan yang menghubungkan antara satu kampung dengan satu kampung yang lain. Kampung-kampung yang saya sebutkan di luar bandar ini mempunyai bilangan penduduk yang ramai mengandungi keluarga-keluarga petani dan nelayan. Sebilangan besarnya adalah terdiri daripada bumiputera. Dengan ketiadaan lampu elektrik umpamanya, banyak usaha-usaha kemajuan tergendala, seperti sekolah-sekolah dan guru-guru, di waktu hujan umpamanya, murid-murid di sekolah tidak dapat hadir

disebabkan lecah kerana tiada jalan yang baik, ia lecah dan tidak boleh dilalui, sekolah menjadi gelap oleh ketiadaan lampu atau menjadi sukar bagi guru-guru dan murid-murid menghadapi tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, kerap kali juga guru-guru yang dihantar mengajar di kampung-kampung terutama seperti di kawasan saya di Semporna, pulau-pulau seperti Pulau Bom-Bom, ada guru-guru yang tidak tahan dengan keadaan ini. Ada di antara guru-guru meninggalkan sekolah mereka kerana ketiadaan hidup yang begitu baik dan tinggal jauh jika dibandingkan dengan keadaan tempat-tempat di dalam bandar. Mereka tidak sanggup hidup seperti penduduk-penduduk di kampung, mereka tidak sanggup hidup yang banyak kekurangan seperti masalah penggunaan air perigi dan kadangkala air hujan untuk dijadikan minuman dan mandi. Apabila musim kemarau air perigi yang sedikit seperti di Pulau Bom-Bom menjadi masin dan tidak baik di minum. Apabila air laut surut, Tuan Yang di-Pertua, keadaan menjadi tohor, perahu-perahu yang digunakan oleh penduduk-penduduk kampung tidak boleh digunakan untuk menghubungi perjalanan mereka.

Di darat ada jalan tetapi kawasannya terhad, tidak dapat menyambung tempat-tempat yang lain dan keadaan beginilah saya merayu kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar mengambil berat tentang pembangunan kampung-kampung ini dengan hanya pembangunan-pembangunan asas untuk faedah dan kemajuan rakyat dan negara. Jika ada air paip dan ada surau-surau, tempat beribadat, ada lampu elektrik, ada jalan-jalan perhubungan, ada klinik dan ada kemajuan masyarakat, murid-murid sekolah, pemimpin-pemimpin dan guru-guru dapat menjalankan tugas

masing-masing dengan baik untuk faedah dan kemajuan rakyat di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan ini pekan kecil kawasan Semporna di sebelah Pantai Timur Sabah sudah mempunyai penduduk yang ramai dan pada masa ini tidak kurang daripada 100,000. Adalah wajar Hospital Daerah Semporna yang ada sekarang ini perlu sangat diperbesar. Katil-katil tempat pesakit-pesakit sangat terhad bilangannya dan doktor-doktor dan kakitangan hospital perlu ditambah bagi menampung kehendak-kehendak orang ramai.

Pada masa ini, Tuan Yang di-Pertua, Hospital Semporna hanya mempunyai dua orang doktor dan lebih kurang 30 orang kakitangan dan mempunyai 60 buah katil sahaja, berbanding dengan keperluan rakyat yang begitu ramai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam zaman kemelesetan dan kelembapan ekonomi ini, perhatian berat hendaklah ditumpukan kepada usaha-usaha yang mendatangkan hasil dan pembangunan negara.

Di segi pertanian, Tuan Yang di-Pertua, tanaman kelapa sawit telah banyak mendatangkan pendapatan untuk negara. Beberapa tahun yang lalu kelapa sawit merupakan punca utama bagi pendapatan negara. Hasil pengeluarannya meningkat dari setahun ke setahun. Ladang-ladang yang besar seperti estet-estet FELDA, RISDA, FELCRA dan skim pembangunan negeri dan pekebun-pekebun kecil semuanya telah mendapat hasil pulangan yang baik. Ini adalah disebabkan tanah kita subur, sesuai untuk tanaman kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang menyulitkan kita sekarang dalam segi kelapa sawit dan minyak kelapa sawit ialah harga yang tidak stabil. Harga pasarannya sekarang sangat rendah. Misalnya di negeri Sabah pada masa ini harga satu tan kelapa sawit di antara \$40 sehingga \$50 dan kos pengeluaran yang ada adalah tinggi. Industri ini terpaksa mencari jalan mengurangkan kos pengeluaran. Kos pengeluaran sekarang adalah terlalu mahal. Walaupun berbagai cara yang diambil oleh penanam-penanam kelapa sawit untuk mengurangkan kos penanaman, kos menuai dan pengilangan, tetapi hasilnya masih tidak berkesan. Dalam segi ini terutama terhadap pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah, Kerajaan diseru supaya membuat sesuatu bagi membantu mereka terutama pekebun-pekebun kecil bumiputera yang sangat menderita dan kesulitan ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk faedah dan kepentingan pekebun kecil yang kebanyakannya bumiputera, Kerajaan diseru supaya mendorong dan memberi galakan dalam bidang pasaran dan peranan yang lebih luas terhadap eksploitasi dengan sepenuh intensif eksport seperti yang dijalankan oleh peniaga-peniaga, penanam bukan bumiputera. Mungkin Kerajaan juga boleh mewajibkan Kedutaan-kedutaan, Suruhanjaya-suruhanjaya dan Misi-misi perdagangan Malaysia di luar negeri supaya membantu dan memainkan peranan yang aktif dengan mengenalpasti saluran pasaran bagi barang-barang eksport terutama minyak kelapa sawit kita seperti apa yang sedang dilakukan oleh negara-negara lain di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kelapa sawit, negara kita Malaysia juga menjadi pengeluar koko dunia keempat terbesar dan negeri Sabah merupakan penyumbang 60% dalam bahan barangan eksport ini.

Negara dapat memungut jualan eksport bernilai hampir \$500 juta dan setakat ini negeri Belanda menjadi pembeli utama koko Malaysia. Ini adalah satu hasil pulangan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun hasil jualannya memuaskan, kita mestilah berjaga-jaga dan sentiasa mengawasi tanaman kita ini dengan baik. Walaupun hasil jualannya memuaskan, jika dipandang secara kasar pekebun-pekebun kecil kebanyakannya bumiputera tidak mendapat pulangan jualan yang memuaskan. Ini adalah disebabkan kelemahan pekebun-pekebun bumiputera yang mana sentiasa tanaman-tanaman koko mereka diserang oleh serangga menjadikan gred koko mereka itu rendah.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan koko merupakan bahan eksport yang sangat berpotensi, saya merayu kepada Kementerian Pertanian supaya menubuhkan Badan Pencegah Penyakit dan Penyelidikan Tanaman Koko terutama di negeri Sabah bagi melindungi kesuburan tanaman tersebut. Selain daripada serangga koko, pekebun-pekebun kecil yang menghadapi kesulitan dalam mendapat taraf "grading", dengan izin, yang berpatutan apabila menjual buah-buah koko, maka sering mendapat pulangan hasil bayaran yang tidak memuaskan dan kerap kali kurang menguntungkan. Ini adalah disebabkan Kerajaan belum lagi mengadakan khidmat "grading", dengan izin, yang rasmi seperti peranan FAMA, MARDI atau SIRIM di Semenanjung. Pada masa sekarang "grading" bagi buah-buah koko di Sabah dijalankan secara "grading" sukarela. Cara inilah yang merugikan pekebun-pekebun kecil dan tidak dapat memperoleh paras harga dan kualiti yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan akan dapat mendirikan pusat "cocoa grading" yang rasmi seperti FAMA di Semenanjung, MARDI dan lain-lain di pantai timur negeri Sabah terutama di Tawau, Sandakan, Lahad Datu yang banyak mengeluarkan koko dan wajarlah bagi pusat-pusat demikian didirikan di tempat-tempat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan koko sangat berpotensi di pasaran dunia, adalah satu usaha yang menguntungkan jika koko ini ditanam secara besar-besaran di negara kita ini. Kerajaan hendaklah menggalakkan kepada rakyat menanam tanaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rancangan FELDA di negeri Sabah, saya ingin mengesyorkan satu cadangan untuk kebaikan rakyat serta manfaat bagi meyakinkan kejayaan pencapaian matlamat Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat menjadi peneroka FELDA di Sabah hendaklah dibuat secara terbuka supaya memberi peluang kepada golongan separuh umur menyertainya. Di Sabah terdapat orang-orang tua yang berminat tentang pembukaan tanah-tanah baru ini. Mereka berpengalaman dan bertenaga dan berbadan sihat serta bersemangat dengan kerja ladang dan tanam-tanaman.

Tuan Yang di-Pertua, di zaman kelembapan ekonomi ini kita ternampak terutama di kawasan saya, Semporna, Balong dan Lahad Datu, orang-orang yang berminat hendak menyertai rancangan tanah FELDA ini adalah sangat ramai. Saya berharap Kerajaan dapat membuka had umur tidak akan menjadi halangan terhadap mereka yang hendak menjadi peneroka di rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembukaan rancangan baru FELDA di kawasan Lahad Datu di mana tanah-tanah kepunyaan orang kampung ada termasuk atau terambil oleh FELDA sebagai kawasan FELDA tidak berapa lama dahulu, saya merayu kepada pihak yang berkuasa mahupun FELDA sendiri supaya dapat menyelesaikan masalah tanah orang-orang kampung ini dengan sebaik-baiknya tanpa merugikan mana-mana pihak dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita sentuh berkenaan dengan masyarakat bumiputera di kampung-kampung, kita terdapat mereka bekerja sebagai petani atau nelayan. Kedua-dua pekerjaan ini masih mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah dan masih mengharapkan bantuan Kerajaan. Nelayan di negeri Sabah tidak banyak mendapat kemajuan daripada segi penangkapan ikan dan pasaran. Di Semenanjung, Kerajaan mempunyai beberapa badan kemajuan bagi membantu nelayan meninggikan taraf ekonomi mereka dalam menghadapi kemajuan menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dihadapi oleh nelayan di Semenanjung adalah serupa juga dengan masalah-masalah nelayan di negeri Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian saya merayu kepada Kerajaan supaya memperluaskan serta memanjangkan rancangan-rancangan bantuan dan dasar-dasar MAJUIKAN serta kemudahan-kemudahan ke negeri Sabah juga. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah cukup. Bolehkah gulungkan?

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berucap di sini berkenaan dengan

pelajaran. Menyentuh tentang pelajaran di negeri Sabah, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini bersetuju bahawa taraf dan kedudukan pelajaran di Sabah adalah lebih rendah dari Semenanjung ini. Ini adalah disebabkan beberapa faktor-faktor yang tertentu. Pelajaran di negeri Sabah berbeza tarafnya dengan di Semenanjung adalah disebabkan, pertama, bilangan sekolah di negeri Sabah hendaklah diperbanyakkan lagi kerana bilangan penduduk-penduduk makin bertambah ramai dan demikianlah juga murid-murid yang bersekolah, masih ramai terbiar di kawasan-kawasan pedalaman, di pulau-pulau. Walaupun sudah banyak sekolah-sekolah dibina oleh Kerajaan di seluruh negeri Sabah tetapi bilangannya masih belum mencukupi. Di kawasan Parlimen saya umpamanya, Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa buah kampung seperti Kampung Labuan Haji, Kampung Loke Pinanggang, Kampung Selamat dan juga di kawasan Balong, ada beberapa buah kampung yang murid-muridnya tidak kurang daripada 200 atau 300 tiap-tiap kampung itu yang belum bersekolah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Boleh saya memberi penggulungan, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Gulung sahaja, dalam satu ayat sahaja lagi, Yang Berhormat.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan hendak membangunkan kegiatan ekonomi yang begitu penting bagi bumiputera di negeri Sabah, pihak Kerajaan hendaklah berhati-hati dan memahami secara mendalam latar belakang kaum bumiputera yang berbilang keturunan dan pegangan

masing-masing. Sikap toleransi dan perpaduan hendaklah diamalkan dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, di negeri Sabah umpamanya, Kerajaan Negeri mempunyai.....

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan gulung, itu memulakan pula. Sila gulung, Yang Berhormat.

Datuk Haji Sakaran bin Dandai: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, telah memberikan saya peluang dan di sini saya menamatkan ucapan saya dengan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya ingin menyokong Belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Muar.

4.28 ptg.

Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Anggaran Belanjawan tahun 1987 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Yang Berhormat Encik Daim Zainuddin pada hari Jumaat, 24hb Oktober, 1986 yang lalu.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Menteri Kewangan dan para pegawainya yang telah dapat merangka dan membentangkan satu Belanjawan yang realistic, dengan izin, berasaskan kepada kemampuan rakyat dan keupayaan Kerajaan tanpa membebankan rakyat pada keseluruhannya. Saya yakin segala kebijaksanaan telah digunakan ketika merangka Belanjawan ini, pengalaman-pengalaman pelaksanaan Belanjawan tahun 1985, Belanjawan tahun 1986, pandangan-pandangan semua pihak yang terlibat dan juga aspek suasana ekonomi negara dan ekonomi dunia tentunya telah diambil kira.

Yang Berhormat Menteri Kewangan mengumumkan bahawa keadaan ekonomi negara menjadi lebih buruk sejak pembentangan Belanjawan tahun 1986. Kenyataan ini sungguh pahit dan sungguh mencabar semua pihak-pihak Kerajaan, pihak swasta juga pihak rakyat dan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh hal yang demikian adalah penting bagi kita semua terutamanya dari pihak Pembangkang untuk mengeneipkan segala persengketaan dan perbalahan dan menumpukan serta menggembelingkan segala tenaga dengan jujur dan ikhlas untuk membantu Kerajaan membangun dan membawa negara ini daripada "doldrum" kemelesetan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua telah diberitahu bahawa pendapatan negara telah menurun dengan banyak sejak Belanjawan kebelakangan dua tahun ini. Pada tahun 1985, keadaan pendapatan ialah \$21,115 juta; pada tahun 1986 pendapatannya kurang kepada \$19,158 juta dan Anggaran Belanjawan 1987 sebanyak \$18,021 juta. Kesan penurunan pendapatan negara ini dirasai bukan sahaja kepada Kerajaan, juga kepada rakyat lebih-lebih lagi rakyat di luar bandar. Sudah tentu sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab dan yang mengamalkan falsafah tradisi membela rakyat, menjadi tanggungjawab kita semua untuk mencari satu jalan untuk meningkatkan pendapatan di samping melakukan penjimatan-penjimatan di mana yang difikirkan bersesuaian.

Usaha untuk mempelbagai sumber-sumber pendapatan perlu dijalankan sama ada melalui tradisional, sumber-sumber baru, sumber-sumber yang dipersesuaikan ataupun melalui pinjaman sama ada daripada dalam negeri mahupun luar negeri. Tiap-tiap satu strategi dipilih dan digunakan

tentunya mempunyai falsafahnya sendiri. Terpuhlamlah kepada kebijaksanaan Menteri Kewangan dan kita semua yang akan meluluskan Belanjawan ini untuk membantu dan mencari satu falsafah yang paling sesuai sejajar dengan hasrat dan objektif kita bagi meluluskan Belanjawan 1987 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang menjadikan industri perumahan sebagai industri penggalak kepada kegiatan ekonomi dan pertumbuhan ekonomi negara. Dengan menjadikan industri perumahan sebagai penggerak kepada ekonomi negara, dengan secara tidak langsung kita telah melibatkan lebihkurang 162 inter-related industries, dengan izin, yang dapat kita gerakkan bersama. Kesedaran ini jelas dilihat daripada bantuan dan sokongan yang diberikan oleh Kerajaan. Kerajaan telah menyalurkan lebih daripada \$2 billion kepada institusi kewangan untuk meningkatkan kecairan kewangan. Begitu juga usaha Kerajaan mendirikan 80,000 rumah kos murah yang dilaksanakan selama tiga tahun berturut-turut juga akan dapat membantu industri ini. Kerajaan Pusat juga telah mengarahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan untuk menolong membantu mempercepatkan proses permohonan sub-division dan pengeluaran certificates of fitness, dengan izin, bagi satu-satu projek perumahan. Dijangka sekiranya polisi ini dilaksanakan sepenuhnya, usaha ini dapat membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 2%.

Walaupun begitu, saya berasa sedih mendengar rungutan-rungutan terutama sekali daripada orang ramai dan juga pemaju-pemaju perumahan terhadap beberapa kelemahan dan kepincangan di dalam polisi-polisi dan

pelaksanaan-pelaksanaan yang saya fikir perlu diperbaiki dari masa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, kenaikan faedah 2% kepada pinjaman pegawai-pegawai Kerajaan adalah membebankan terutama sekali kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah meminjam daripada Kerajaan. Pertambahan faedah 2% ini secara tidak langsung menghalang pihak pembeli yang mempunyai potensi untuk membeli rumah-rumah kos murah dan pada keseluruhannya boleh dianggarkan 80% daripada pembeli-pembeli berpotensi ini, adalah dari kalangan pegawai-pegawai Kerajaan. Ini bermakna dengan secara tidak langsung kenaikan faedah 2% menyekat kemajuan industri perumahan yang cuba digalakkan oleh Kerajaan dan dengan tidak secara langsung juga, akan melemahkan kemajuan industri-industri yang berikut.

Begitu juga Kerajaan mengenakan syarat-syarat yang ketat yang baru diumumkan oleh Menteri Kewangan baru-baru ini. Pihak bank dan institusi-institusi kewangan juga mengenakan syarat-syarat penjamin sebagai tambahan kepada cagaran rumah. Begitu juga syarat-syarat pembeli terpaksa menyediakan laporan cukai pendapatan ketika membuat permohonan-permohonan. Pengumuman Menteri Kewangan juga menyebutkan bahawa sewa rumah kepada tambahan satu rumah dikenakan cukai bermula daripada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa usaha Kerajaan untuk menjadikan industri perumahan sebagai industri penggerak yang boleh melibatkan 162 industri-industri yang lain tidak akan dapat tercapai sepenuhnya sekiranya faktor-faktor yang saya sebutkan tadi dilulus dan dilaksanakan pada tahun

ini dan ini menunjukkan adanya percanggahan daripada polisi yang kita hendak buat dan pelaksanaan-pelaksanaan yang akan dilaksanakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di sini berhubung dengan industri pertanian. Negara kita sejak mencapai kemerdekaan, begitu bergantung kepada industri pertanian walaupun usaha mempelbagaikan ekonomi dijalankan, penekanan dan pengaruh industri pertanian ini tetap menjadi sumber besar pendapatan negara dan melibatkan sebahagian besar daripada kegiatan ekonomi rakyat. Ternyata jumlah duti eksport industri menurun begitu banyak. Pada tahun 1985, jumlah duti eksport yang dapat dikutip adalah \$1,839 juta berbanding dengan anggaran bagi tahun 1986 sebanyak \$1,208 juta dan juga anggaran tahunan 1987 sebanyak \$1,001 juta.

Sewajarnya kita harus melihat apakah sebab-sebab utama yang menjadikan eksport kita ini kurang. Adakah faktor-faktor lain yang mempengaruhi dan menjadikan kejatuhan eksport ini lebih buruk dan lebih ketara dari masa ke semasa. Sesungguhnya faktor kemelesetan ekonomi di negara industri dan negara maju dan faktor-faktor protectionism kepada bahan alternatif dan substitute, dengan izin, adalah menjadi faktor utama, tetapi saya percaya bahawa faktor prejudis juga ada pada negara-negara yang maju ini. Saya berkata demikian kerana kebelakangan ini ternyata kita dengan ghairah, sama ada pihak agensi-agensi Kerajaan mahupun pihak-pihak swasta mengambil alih pelaburan-pelaburan industri pertanian yang ada di dalam negara kita ini. Kita bukan sahaja mengambil alih pelaburan-pelaburan yang ada, tetapi telah membenarkan mereka membawa modal dan pengalaman-pengalaman

untuk membawa keluar daripada negara kita dan dengan demikian mereka tidak lagi terikat kepada kepentingan pelaburan mereka yang ada bagi negara kita.

Pada masa ini mereka ini telah berhijrah, mengadakan pembangunan-pembangunan, sama dengan apa yang kita bangunkan di dalam negara kita ini di negara-negara jiran dan saya percaya di dalam jangka masa yang tidak berapa lama lagi, mereka akan dapat menawarkan product yang sama seperti yang kita tawarkan di dalam negara kita dengan harga yang lebih murah dan kompetitif ini. Saya berasa bersalah jikalau saya tidak membangkitkan perkara ini di dalam Dewan yang mulia ini kerana rata-rata penduduk di luar bandar pada masa ini telah menukarkan tanamannya daripada tanaman asal kepada tanaman kelapa sawit dan setengahnya telah pun memberanikan diri untuk mengadakan pembangunan-pembangunan dengan membuat pinjaman daripada bank.

Sudah tentu sekiranya pasaran sawit ini akan jatuh pada masa-masa yang akan datang, mereka bukan sahaja hilang punca pencarian, tetapi akan menimbulkan bebanan untuk membayar balik pinjaman pembangunan daripada bank tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan cuba mencari rakan-rakan pelaburan daripada negara-negara industri dan negara-negara maju sama ada untuk sama-sama melabur dalam industri pertanian ini yang sedia ada ataupun mencari rakan-rakan pelaburan yang baru. Yang kedua, saya juga suka mencadangkan supaya pihak Kerajaan dan pihak-pihak yang terlibat untuk meluaskan pasarannya sama ada di pasaran tradisi ataupun pasaran-pasaran yang baru seperti negeri China, Russia ataupun di tempat-tempat yang lain.

Saya percaya dengan adanya rakan kongsi pelaburan daripada negara-negara maju dan juga memperluaskan lagi pasaran-pasaran baru ataupun pasaran-pasaran tradisi, kita dapat membantu untuk meningkatkan harga tawaran bahan-bahan utama dan dengan ini dapat menggerakkan industri ini dengan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan di Dewan yang mulia ini berhubung dengan beberapa konsep usaha sama yang dijalankan dalam negara. Sungguhpun perkara yang saya bangkitkan ini telah berlalu tetapi saya fikir ini adalah penting untuk memberikan satu pengalaman supaya pada masa-masa yang akan datang kita tidak terperangkap kepada menjalankan usaha-usaha yang akhir-akhirnya nanti kita akan menghadapi masalah.

Saya menyentuh konsep pasang siap yang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran untuk membuat sekolah-sekolah rendah. Konsep ini telah dijalankan kira-kira 7 tahun yang lepas terhadap 27 sekolah di negeri Kedah dan 43 buah sekolah di negeri Johor. Sekolah-sekolah ini bukan sahaja tidak siap sehingga pada hari ini setengah-setengahnya, tetapi juga menjadi beban kepada anak-anak terutama sekali anak-anak, kita di luar bandar untuk mendapatkan kemudahan tempat belajar yang sempurna. Masalah sekolah-sekolah ini akan siap juga akhir-akhirnya tidak timbul. Masalahnya ialah sudah 7 tahun anak-anak kita terlepas daripada peluang untuk mendapatkan pendidikan dari sekolah-sekolah yang bersesuaian, yang sempurna dan sebahagian besar daripada anak-anak ini bersekolah menumpang sama ada di bangunan-bangunan yang buruk ataupun di balairaya-balairaya yang tidak sempurna. Dan sudah tentunya bahawa konsep pasang siap ini menimbulkan masalah dan merugikan negara.

Selain daripada itu konsep pasang siap ini bukanlah susah hendak membuatnya. 70 buah sekolah yang sebahagian besarnya tidak lebih dari 3 tingkat, mana-mana kontraktor tempatan lebih-lebih lagi kontraktor bumiputera yang kita berusaha untuk menggalakkan mampu untuk membuatnya. Saya percaya dengan adanya konsep ini menghalang 70 kontraktor-kontraktor tempatan daripada mendapatkan peluang kerja dan ini secara tidak langsung melemahkan pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Saya juga suka membangkitkan konsep cost-plus yang sekarang ini sedang dijalankan untuk membina bangunan Universiti Teknologi Malaysia di Skudai. Saya percaya projek ini akan menelan perbelanjaan yang besar daripada yang dijangkakan semasa perancangan dibuat. Mana-mana peniaga pun memanglah cuba hendak mencari keuntungan yang besar dan konsep cost-plus ini memberi peluang kepada kontraktor lebih-lebih lagi kontraktor ini adalah joint venture dengan kontraktor luar negeri untuk berusaha meningkatkan kos pembinaan dan dengan yang demikian mereka dapat jumlah keuntungan yang besar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Minta gulungan.

Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk melanjutkan konsep cost-plus ini tidak akan menguntungkan negara kerana bangunan ini juga boleh dibuat oleh kontraktor-kontraktor tempatan lebih-lebih lagi kontraktor bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab masa tidak mengizinkan, saya dengan ini menyokong Belanjawan 1987.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ledang.

4.45 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Othman (Ledang): Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang untuk bersama-sama membahaskan Usul di hadapan Majlis sekarang.

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan dalam keadaan yang sukar dan juga yang menyulitkan.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya Belanjawan tahunan adalah satu alat dasar Kerajaan untuk menguruskan ekonomi negara dan biasanya Belanjawan itu mengandungi perubahan cukai, peruntukan untuk perbelanjaan, galakan ataupun pengecualian dan sebagainya sama ada untuk membesarkan atau mengurangkan bidang-bidang ataupun kegiatan-kegiatan tertentu. Tetapi Belanjawan tidak sewajarnya dilihat untuk tahun 1987 sahaja, bahkan strategi untuk Belanjawan seharusnya dilihat untuk jangka masa yang panjang dan juga untuk jangka masa yang pendek.

Oleh yang demikian, saya cuba melihat Belanjawan 1987 ini bukan sekadar untuk mengatasi masalah 1987, bahkan untuk melihatnya untuk jangka masa yang panjang untuk mengatasi masalah yang telah wujud pada masa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ekonomi yang ada pada masa sekarang ialah satu masalah yang serius yang pernah dialami oleh negara kita semenjak merdeka sama ada dari segi kesannya ataupun dari segi jenis masalah tersebut.

Pendapatan negara berkurangan, kerana barangan eksport turun; hasil Kerajaan juga turun. Pendapatan rumah tangga turun. Pendapatan yang rendah menyebabkan tabungan rumah tangga juga turun. Dan tabungan berkurangan menjejaskan pelaburan. Pelaburan turun pertumbuhan ekonomi lembab maka pengangguran juga meningkat dan masalah kemiskinan tidak dapat diberi tumpuan, sementara itu pula penyusunan semula masyarakat juga terpaksa diketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, rumusan kepada masalah yang saya sebutkan tadi ialah dua:

- (1) wujudnya defisit akaun semasa Kerajaan yang dijangka untuk tahun 1987 sebanyak \$2,000 juta;
- (2) pertumbuhan ekonomi yang rendah yang membawa akibat seperti berikut:
 - (i) pengangguran yang meningkat;
 - (ii) pendapatan untuk negara dan rumahtangga yang rendah;
 - (iii) imbaungan bayaran yang makin tercabar.

Tuan Yang di-Pertua, kita cuba mengatasi masalah defisit akaun semasa melalui Belanjawan 1987 dan satu caranya ialah dengan cara mengswastakan bidang ataupun sektor atau kegiatan tertentu dalam urusan Kerajaan pada masa sekarang. Sekadarkan saya ingin menanya di sini adakah pengswastakan itu bererti memindahkan harta yang sedia wujud kepada sektor swasta dengan tidak ada bayaran dan pampasan kepada Kerajaan. Bahkan saya menyatakan bahawa adalah lebih wajar jika sekiranya pengswastakan itu memberi wang untuk Kerajaan menerima

pembayaran dan pampasan dengan cara itu hasil Kerajaan dapat ditambah.

Cara yang kedua di dalam Belanjawan ini ialah dengan cara menaikkan cukai. Cukai yang telah dinaikkan ialah terhadap rokok dan juga minuman keras. Saya hanya menanya di sini oleh kerana import terhadap barang mewah masih lagi tinggi, mengapa tidak dinaikkan import terhadap barang-barang mewah tersebut kerana dengan cara itu kita bukan sahaja akan dapat menaikkan hasil kutipan Kerajaan, bahkan juga akan dapat mengurangkan pengaliran tukaran wang asing untuk negara kita.

Seterusnya, dalam Belanjawan ini, Kerajaan cuba menghadapi masalah defisit akaun semasa dengan cara meningkatkan kadar pinjaman daripada 4% hingga 6%. Pada keseluruhannya kita dapati bahawa ini satu langkah yang tidak popular terutama sekali di kalangan kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan D. Saya melihat perkara ini dari segi kebiasaan yang dilihat oleh seorang ahli ekonomi bahawa perbelanjaan sesuatu rumahtangga adalah berdasarkan kepada pendapatan tetap dia mengukur perbelanjaannya. Apabila satu rumahtangga itu membuat pinjaman untuk membeli rumah, maka pemikiran dan perkiraannya adalah berdasarkan kepada pendapatan tetap itu dan apabila kadar itu ditambah daripada 4% hingga 6% maka terkeluarlah kesemuanya dalam perkiraan mereka. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan di sini supaya pihak Kerajaan dapat mengkaji semula tentang kenaikan kadar faedah ini daripada 4% hingga 6% kakitangan Kerajaan dalam Kumpulan C dan D.

Seterusnya ialah usaha Kerajaan untuk menghapuskan pencen dan digantikan dengan KWSP. Saya mengalu-alukan perubahan ini kerana sudah tiba masanya bagi pihak kakitangan Kerajaan untuk menentukan tentang kedudukan mereka selepas pencen berdasarkan kepada wang yang terkumpul semasa bekerja. Walaupun begitu kita sedia maklum bahawa masyarakat yang terdiri dari Kumpulan C dan D mungkin tidak berupaya untuk menampung keperluan selepas pencen. Oleh yang demikian, lagi sekali saya menyeru pihak Kerajaan supaya mengkaji semula tentang soal pencen ini untuk Kumpulan yang terendah itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cara yang terkandung di dalam Belanjawan negara ini ialah untuk merasionalisasikan pungutan cukai supaya asas cukai dapat dikaji semula. Satu caranya ialah dengan cara mengkaji semula pengecualian-pengecualian yang telah diberikan pada masa lalu. Saya mengalu-alukan langkah ini kerana serba sedikit asas cukai ataupun tax base pada hari ini telah terhapus ataupun terkikis oleh kerana terlalu banyak pengecualian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalih pandangan kepada masalah pokok pada hari ini iaitu masalah pertumbuhan ekonomi negara, satu masalah jangka masa panjang dan satu masalah yang rumit. Terlebih dahulu saya ingin mengesan dan menegaskan tentang unsur kepada masalah tersebut.

Yang pertamanya, ialah berkaitan dengan soal kurang keyakinan. Dalam soal ini saya lebih cenderung untuk memikirkan perkara ini daripada dua sudut. Sudut yang pertama ialah adakah soal kurang keyakinan ini dibangkitkan untuk meletakkan

tekanan terhadap Kerajaan untuk tujuan politik seperti perkara yang berkaitan dengan Dasar Ekonomi Baru ataupun pimpinan Kerajaan itu sendiri. Ada kumpulan yang lebih senang menggunakan helah ini kerana mereka telah bersiap sedia untuk membawa keluar harta dan kekayaan mereka, seolah-olah mereka tidak ada akar umbi dan warisan dalam negara kita ini. Jika demikian, saya percaya negara tidak merasa rugi dengan ketiadaan mereka.

Keduanya, adakah kurang keyakinan ini disebabkan perkiraan perniagaan untung dan rugi sahaja. Jika demikian, kita menerima hakikat tersebut. Oleh itu Kerajaan membuat langkah-langkah untuk memudahkan golongan berniaga bagi menjayakan perniagaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, soal kurang keyakinan pada saya tidak menjadi perkara pokok. Perkara yang pokok tentang masalah ekonomi negara pada masa sekarang ialah kerana perubahan yang berlaku di peringkat ekonomi dunia.

Pertamanya, dalam sektor komoditi kita dapati bahawa keluaran bahan mentah dan makanan yang berlebihan dalam dunia di negara maju dan sedang membangun wujud sekarang.

Keduanya, kita dapati bahawa polisi negara maju yang sedia untuk memberi subsidi kepada pengeluaran makanan yang menyebabkan berlebihan dari segi pengeluaran bahan mentah dan juga makanan.

Ketiga, ada wujudnya perubahan teknologi yang mengurangkan bahan penggunaan bahan mentah.

Keempat, polisi perlindungan negara maju telah meningkat dan seterusnya menjejaskan eksport negara-negara membangun.

Kelima, kita dapati bahawa satu trend ataupun pengaliran modal asing yang lebih cenderung mengalir di antara negara-negara maju dan meninggalkan kemungkinan untuk mengalir kepada negara-negara yang sedang membangun.

Keenam, kita dapati bahawa jika kita lihat dalam jangka masa 50 tahun yang berlalu bahawa terms of trade, dengan izin, kadar ataupun syarat perdagangan di antara negara maju dengan negara sedang membangun adalah menjejaskan negara-negara sedang membangun.

Implikasi daripada enam sebab yang saya sebutkan di atas ini ialah kita dapati bahawa dalam keadaan di mana apabila ekonomi negara maju meleset, kita menghadapi keadaan yang meleset juga. Tetapi apabila ekonomi negara maju berkembang pada masa sekarang, kita juga terus meleset seolah-olah wujud satu pemisahan antara dua dunia ini. Oleh yang demikian, kita mesti melihat perkara ini dalam jangka masa yang panjang dan menyediakan penyelesaian jangka masa yang panjang juga.

Tuan Yang di-Pertua, apabila melihat penyelesaian jangka masa yang panjang maka saya sarankan di sini supaya dibuat satu perubahan struktur ataupun structural change dalam ekonomi Malaysia. Perubahan struktur ekonomi Malaysia dikatakan amat penting berdasarkan kepada sebab-sebab seperti berikut:

- (i) untuk menekankan ekonomi kita pada asas yang kukuh dalam konteks ekonomi dunia supaya kita tidak terus bergantung kepada ekonomi negara-negara maju;
- (ii) untuk menguatkan ketahanan ekonomi negara menghadapi perubahan di luar ekonomi kita;

- (iii) untuk mewujudkan sumber ataupun asas pertumbuhan ekonomi negara;
- (iv) untuk menampung masalah pekerjaan, ekoran daripada pertumbuhannya tenaga kerja;
- (v) ruang terus terbuka untuk strategi dan langkah-langkah membasmi kemiskinan; dan
- (vi) kita tidak mengabaikan usaha berterusan untuk menyusun semula masyarakat dari segi pekerjaan dan pemilikan harta dan kekayaan negara.

Berdasarkan kepada sebab-sebab tersebut, maka cadangan untuk perubahan struktur ekonomi adalah seperti berikut:

Pertama, sektor perkhidmatan. Saya menyanggah tinggi penekanan yang diberi oleh Kerajaan kepada industri pelancongan kerana di situ kita dapati bahawa pengaliran tukaran asing adalah pada jumlah yang tinggi iaitu \$1.3 billion. Tetapi kita sewajarnya terus mencari strategi yang lebih berkesan untuk mengatasi masalah dagangan yang tidak ketara ataupun invisible trade yang berterusan negatif pada jumlah yang besar. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, kita sewajarnya mengkaji semula dari segi strategi dan pelaksanaan polisi mengenai industri perkhidmatan perkapalan, insurans supaya bukan sahaja kedua-dua industri ini hidup berkembang, bahkan juga dapat mengurangkan pengaliran tukaran asing. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kewangan apakah saranan dan cadangan terakhir daripada Jawatankuasa Dagangan Tidak Ketara yang dibentuk oleh Kerajaan beberapa tahun yang lalu.

Kedua, industri pengeluaran makanan. Saya mengalu-alukan penekanan Kerajaan akhir-akhir ini

mengenai perlunya kita meningkatkan pengeluaran makanan negara. Perlu saya tekankan di sini bahawa kita hendaklah melihat industri ini dari segi prinsip lebih perbandingan ataupun comparative advantage, dengan izin. Adalah benar jika kita keluarkan bahan tersebut seperti kentang, bawang, beras, jagung, daging dan sebagainya, kita akan dapat mengurangkan tukaran wang asing. Tetapi jika dikeluarkan pada kos perbandingan yang tinggi, ianya tidak ekonomik dan jika industri tersebut dilindungi nanti dengan tarif ataupun harga sokongan maka akan meningkatkan kos hidup rakyat jelata ataupun membebankan Kerajaan.

Oleh itu, saya menyeru supaya walaupun industri pengeluaran makanan ini digalakkan, ia tidak akan menyekat import yang lebih murah. Ia sewajarnya tumbuh dan berkembang berdasarkan kepada comparative advantage, dengan izin. Dalam soal ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah penting sekali untuk jangka masa panjang supaya penyelidikan dan pengembangan dalam bidang pertanian dipertingkatkan lagi terutama sekali dari segi kualiti benih dan baka yang sesuai untuk iklim tanah yang ada di negara kita dan keperluan cita rasa rakyat Malaysia. Saya ingin bertanya Kementerian Pertanian apakah langkah yang diambil untuk membolehkan MARDI menghadapi cabaran ini.

Yang ketiga, saya berpendapat bahawa pentingnya kita menyusun semula sektor industri kita, kita terpaksa menghadapi perubahan struktur ekonomi dunia dan saya cadangkan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) bahawa kita menjemput modal asing dengan berbagai cara, yang terakhirnya ialah dengan melonggarkan beberapa syarat sama ada dari segi equity atau pengecualian cukai.

- (ii) modal asing dirasakan perlu dalam keadaan sekarang untuk mewujudkan pertumbuhan pasaran eksport, pindahan teknologi.

Walaupun begitu, kita sewajarnya tidak indiscriminate, dengan izin, apabila menerima modal asing.

Masalah jangka masa panjang diambilkira sebagai contoh pindahan industri dalam bidang 'textile, electronic, besi dan besi waja dari negara maju ke Malaysia pada tahun 1960an dan 1970an membawa banyak pengalaman bagi kita. Kita hendaklah elakkan kelemahan peranan modal asing dalam tahun 1960an dan 1970an seperti:

- (i) wujudnya di kawasan Free Trade Zone untuk modal asing itu.
- (ii) nilai tambahan yang rendah.
- (iii) input yang digunakan adalah diimport.
- (iv) pindahan teknologi adalah terhad.
- (v) kurang atau tiada kaitan ataupun linkage, dengan izin, dengan industri tempatan dan akhirnya tidak wujudnya penyelidikan dan pembangunan ekoran daripada pengaliran modal asing itu.

Tuan Yang di-Pertua, proses industrial restructuring, dengan izin, di ekonomi negara-negara maju terus berlaku, khususnya di negara Jepun. Apabila nilai Yen bertambah tinggi dan eksport dari Jepun bertambah mahal. Soalnya ialah adakah kita akan dapat faedah daripada restructuring tersebut ataupun relokasi industri-industri daripada negara seperti Jepun, misalnya.

Saya menyarankan bahawa apabila kita menerima modal asing melalui proses industrial restructure ataupun industrial relocation, dengan izin, kita pastikan bahawa asas sektor pembuatan diperkukuhkan dengan cara linkage ataupun hubungannya di antara satu dengan yang lain-lain "Bahawa nilai tambahan adalah tinggi dan input yang diimport hendaklah diminimumkan dan seterusnya potensi yang besar untuk pindahan teknologi".

Saya ingin menekankan supaya peranan modal asing tidak menjejaskan pengaliran modal di pasaran tempatan dan seterusnya hendaklah kita memastikan bahawa modal asing itu akan meningkatkan eksport, melalui rangkaian pasaran antarabangsa yang mereka sedia miliki.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang soal modal asing, maka sewajarnya kita menghubungi modal tersebut dengan hasrat kita untuk membangunkan industri-industri yang berdasarkan kepada sumber-sumber pengeluaran yang ada di negara kita. Oleh yang demikian, saya ingin bertanya di sini di manakah langkah dan rancangan pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, khususnya untuk menguatkan pertalian antara modal asing dengan Resource Based Industries itu.

Keempat, kita semua sedar bahawa bahagian import yang terbesar ialah mesin kecil dan juga ada hubungannya dengan industri-industri mesin ataupun industry tool dengan izin, "Bahawa import yang besar itu menggambarkan satu kekosongan dalam struktur pembuatan kita".

Industri inilah yang sewajarnya mengaitkan antara sektor pembuatan dengan sektor pertanian. Harapan

untuk menghidupkan teknologi tempatan dan kemungkinan untuk menyesuaikan teknologi yang kita import. Oleh yang demikian, saya menyarankan supaya sektor ini ditekankan dan menguatkan peranan modal asing dalam sektor tersebut.

Seterusnya satu lagi aspek industrial restructuring, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, ialah peranan industri kecil.

Saya sudah lama menekankan tentang peranan industri tersebut kerana ia mempunyai peranan dan faedah yang berbagai:

- (i) ia mewujudkan peluang pekerjaan yang banyak, kerana ianya biasanya adalah berintensifkan buruh;
- (ii) industri kecil biasanya menggalakkan tabungan kerana pembiayaan industri kecil adalah berdasarkan kepada tabungan yang dibuat oleh usahawan itu sendiri;
- (iii) biasanya faedah daripada industri kecil itu dibahagi-bahagikan secara adil di antara pekerja dengan pemilik industri tersebut. Ini membawa kepada keadaan pengagihan yang lebih baik dan lebih sejahtera di antara mereka yang terlibat; dan
- (iv) seterusnya industri kecil juga memberi peluang untuk membina kemahiran dan seluk-beluk keusahawaan.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak cukup, saya ingin merumuskannya dengan membangkitkan perkara terakhir dalam perbahasan saya, iaitu apa jua

yang hendak kita buat, saya percaya bahawa ia bergantung kepada keupayaan kita untuk melaksanakan hasrat kita itu.

Pada keseluruhannya banyak idea, dasar yang baik-baik yang telah dirumuskan sama ada dalam bentuk dasar ataupun dalam peringkat pelaksanaan. Oleh yang demikian, tiba masanya untuk kita menanya pihak tertentu sama ada kepimpinan politik yang sedia untuk menanggung tanggungjawab dalam soal pembangunan dan mengatasi masalah ekonomi ini supaya kesanggupan yang sama juga wajar dipikul oleh mereka yang bertanggungjawab untuk mentadbirkan dan melaksanakannya.

Saya merujuk tentang perkara ini, khususnya dalam bidang pembangunan dan mengatasi masalah kemelesetan ini di sektor luar bandar sudah tiba masanya untuk setiap daripada agensi yang berkenaan sama ada dalam keadaan yang bertindih fungsinya ataupun matlamatnya supaya dapat membetulkan tentang tanggungjawab dan fungsi tersebut dan seterusnya untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing supaya faedahnya dapat dirasakan oleh masyarakat luar bandar khususnya. Itulah sahaja beberapa pandangan daripada saya, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Usul di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tawau.

5.08 ptg.

Tuan Samson Chin Chee Tsu (Tawau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Belanjawan Tahun 1987, yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya akan menyentuh beberapa perkara dalam ucapan saya yang secara langsung menyentuh penduduk-penduduk Sabah khasnya.

Tuan Yang di-Pertua, kemasukan secara haram orang-orang Indonesia dan Filipina yang begitu ramai ke negara ini, khasnya ke negeri Sabah telah bertambah kebelakangan ini. Penduduk tempatan telah sungguh-sungguh bimbang, dukacita dan gelisah dengan kedatangan pendatang haram yang begitu ramai. Mereka berada di Sabah dan merebut peluang pekerjaan, sementara berpuluh ribu orang-orang Sabah sedang menganggur. Mereka berada di Sabah melakukan penjenayahan, sehingga kami masih lagi hidup dalam ketakutan dari serangan-serangan lanun ke atas bandar-bandar di tepi pantai dan di laut; mereka berada di Sabah menyudahkan kemudahan-kemudahan awam seperti hospital dan sekolah sementara kita sangat-sangat berkehendakkan kemudahan-kemudahan awam seperti ini. Pendatang-pendatang haram ini adalah bertanggungjawab ke atas penjenayahan yang serius di Sabah seperti rusuhan, pecahrumah, rompakan bersenjata dan pembunuhan, merekalah yang ramai antara pesalah-pesalah dalam penjaran-penjaran di Sabah.

Saya merayu dan menyeru kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan memberhentikan kedatangan pendatang haram ini dan menggesa Kerajaan supaya segera menghantar mereka ini pulang ke negeri asal mereka. Kita mempunyai undang-undang mengenai pendatang haram dan kita ada keupayaan untuk menguatkuasakan undang-undang tersebut. Tetapi Kerajaan nampaknya hendak berpura-pura bahawa kita tiada undang-undang semacam itu dan ketidakupayaan yang cukup bertindak ke atas mereka.

Ada suatu hal yang diakui dan diketahui bahawa sebilangan besar daripada pendatang haram ini telah mendapat Kad Pengenalan Biru selepas berada di Sabah dalam jangka masa yang singkat. Tidak ada peruntukan atau syarat dalam undang-undang untuk sesiapa jauh sekali pendatang haram, layak sebagai seorang warganegara atas sebab tinggal di sini dalam jangka masa yang pendek. Ada beribu-ribu emigran, kebanyakannya orang Cina dan India yang telah bermastautin di sini berpuluh tahun, menjalankan kehidupan yang baik, dan telah berkahwin dengan orang-orang tempatan, tetapi mereka dan anak-anak mereka masih lagi dinafikan status sebagai penduduk tetap dan kewarganegaraan negara ini, walaupun mereka telah membuat permohonan untuk tinggal tetap di sini dan menjadi warganegara negara ini beberapa tahun dahulu.

Pendatang-pendatang haram setelah mendapat Kad Pengenalan Biru menuntut dan memperkenalkan diri mereka sebagai bumiputera dan lazimnya diterima sebagai orang bumiputera oleh pegawai-pegawai awam. Mereka diberi kehormatan, kemudahan dan hak keistimewaan yang terjamin dan dinikmati oleh bumiputera tempatan. Lagi pun tiada cara yang senang untuk memperbezakan mereka dengan bumiputera tempatan. Malahan bumiputera tempatan pun mengadu bahawa pendatang-pendatang haram ini dianggap sebagai penduduk asal atau anak jati negara ini. Orang-orang bumiputera tempatan merasa kesempitan ini kerana mereka secara beransur-ansur mendapat bahagian yang kecil dan keistimewaan yang dikhususkan untuk mereka. Pengeluaran Kad Pengenalan Biru kepada pendatang-pendatang haram ini adalah menyatakan satu kegiatan yang

menyalahi undang-undang, tetapi malangnya ini telah dibenarkan berlansung tanpa sekatan hingga kini.

Kami tidak dapat memikirkan bahawa kegiatan seperti mengeluarkan Kad Pengenalan palsu ini boleh terlepas dari pengetahuan pihak yang berkuasa begitu lama tanpa mengenalpasti pesalah atau "mastermind" yang sebenarnya. Justeru itu, sampailah masanya Kerajaan mengambil tindakan segera untuk memeriksa dan menentukan kad-kad Pengenalan palsu ini. Untuk menghapuskan kegiatan yang salah ini, patutlah Kerajaan mendakwa pesalah-pesalah ini dan membasmi-kan sama sekali ketidakadilan yang genting dan teruk kepada orang-orang Sabah ini.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Sabah mengharapkan pihak Jabatan-jabatan Persekutuan di Sabah boleh memberi keutamaan kepada orang Sabah tentang pengambilan atau kenaikan pangkat pegawai-pegawai kanan. Peluang ini patut diberikan kepada orang tempatan daripada mengimport "orang luar". Nyatalah ada tindakan-tindakan sudah bertentangan dengan harapan orang tempatan. Seringkali pegawai tempatan tidak diberi peluang yang saksama atau tidak dipertimbangkan dengan adil khususnya kenaikan pangkat pegawai kanan. Misalnya, akhir-akhir ini ada seorang pegawai kanan telah meletakkan jawatan di Lembaga Letrik Sabah. Kemudian pihak berkuasa telah memindahkan seorang pegawai dari Semenanjung untuk memegang jawatan itu. Manakala di Lembaga itu mempunyai ramai pegawai kanan tempatan yang berkeelayakan dan berpengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar Kerajaan boleh mengambil tindakan dengan segera untuk membetulkan amalan yang tidak sihat dan memastikan orang Sabah diberi

peluang sewajarnya oleh pihak Jabatan-jabatan Persekutuan. Apabila Jabatan-jabatan Negeri "difederalkan", ini bukan bermakna orang tempatan sudah hilang lapangan pekerjaan atau orang tempatan harus menyerahkan peluang pekerjaan kepada orang luar sedangkan mereka juga berkeelayakan dan berkebolehan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Jumlah bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran keluar negeri semakin bertambah. Ini disebabkan universiti tempatan tidak dapat memuatkan bilangan pelajar yang begitu banyak. Saya mengharapkan Menteri Pelajaran boleh bertimbang rasa terhadap para pelajar dan mendirikan lebih banyak universiti tempatan supaya para pelajar dapat melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Ini bukan sahaja boleh mengelakkan perbelanjaan wang negara kita mengalir keluar negeri malah boleh menghindarkan pelajar-pelajar kita daripada dipedaya atau diperalatkan oleh penipu-penipu di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 1,400 Guru UTS masih belum diresapi oleh Kerajaan sebagai kakitangan Kerajaan yang sepatutnya dapat menerima segala faedah seperti wang pencen, sungguhpun mereka sudah lama berkhidmat di dalam bidang pendidikan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa kemajuan dan pembangunan negeri Sabah sangat-sangat bergantung kepada perkhidmatan guru-guru UTS. Tambahan pula kebanyakan guru-guru UTS ini sudah lama berkhidmat di bidang pendidikan ini iaitu lebih daripada 15 tahun lamanya. Sejak dahulu hingga sekarang mereka masih memainkan peranan yang penting

sekali dalam bidang pendidikan kerana setakat ini di negeri Sabah masih kekurangan guru-guru yang sudah terlatih dan berpengalaman, maka perkhidmatan guru UTS sangat-sangat diperlukan. Dengan kata yang lain, mereka ini tidak sepatutnya diketepikan oleh pihak yang berkenaan.

Bahawasanya guru-guru UTS sudah berusaha sedaya upaya ingin mendapat pengesahan kedudukan mereka yang sewajarnya daripada Kerajaan. Dengan itu, sejak tahun 1974, sudah mereka menghantar sepuluh kali memorandum kepada Kementerian Pelajaran. Tujuannya ingin hendak mendapat pertimbangan yang wajar daripada pihak yang berkenaan, tetapi permohonan dan rayuan mereka masih belum diendahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merayu bahawa Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kerajaan patutlah segera bertindak untuk mengatasi masalah tersebut dan menerimalah mereka iaitu guru-guru UTS menjadi kakitangan Kerajaan yang sah, dengan tanpa menimbulkan sebarang syarat-syarat yang mengecewakan. Sedangkan Kerajaan sudah mengesahkan guru-guru iaitu Sarawak dan Semenanjung yang setaraf dengan guru-guru UTS di Sabah apakah sebabnya guru-guru UTS di Sabah semestinya hendak diketepikan? Adakah tindakan yang sedemikian yang waras akal dan amanah?

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh mempertimbangkan semula isu mengenai Labuan. Jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beranggap bahawa perkara ini telah diselesai atau ditutup, saya yakin beliau telah tersilap. Bagaimanapun perkara ini masih tidak dapat

dilupakan oleh orang Sabah. Saya ingin menegaskan bahawa dalam sejarah Malaysia, tidak pernah ada sebuah negeri menyerahkan tanahnya tanpa kompensasi.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Batu Berendam.

5.23 ptg.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1987 seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengalu-alukan pembentangan Belanjawan Negara 1987 yang mana langkah serta cadangan-cadangan ke arah membaiki keadaan ekonomi dan mengatasi defisit keseluruhan Belanjawan Negara kita telah dibentangkan.

Langkah-langkah Kerajaan mengurangkan defisit yang tidak menjejaskan kepentingan sosio-ekonomi serta tidak membebankan sebahagian besar rakyat adalah dialu-alukan. Dalam keadaan kemelesetan ekonomi yang dihadapi, pengorbanan rakyat untuk membaiki defisit dan meningkatkan produktiviti adalah satu langkah yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, ada beberapa perkara tertentu yang pada pandangan saya harus diberi pertimbangan semula oleh Kerajaan yang mana jika ianya tidak diperbetulkan ianya akan memberi kesan negatif kepada kakitangan

perkhidmatan awam dan akhirnya mungkin menjejaskan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan menaikkan kadar faedah pinjaman perumahan dari 4% kepada 6% yang dikenakan ke atas pinjaman baru dan yang sedia ada kecuali kakitangan kategori D. Walaupun langkah ini wajar tetapi ia patut dibataskan kepada peminjam-peminjam baru dan tidak termasuk peminjam-peminjam yang sedia ada. Ini kerana:

- (a) Peminjam-peminjam yang sedia ada adalah peminjam yang telah pun menandatangani perjanjian pada kadar 4%. Oleh sebab itu mengenakan kadar pinjaman yang telah diberikan kepada kakitangan Kerajaan yang sedia ada iaitu yang telah diluluskan sebelum perubahan kadar pinjaman baru ini adalah tidak wajar dari segi perjanjian pinjaman yang telah disahkan.
- (b) Mengenai tambahan kadar dari 4% kepada 6% kepada kumpulan ini iaitu peminjam yang sedia ada adalah suatu tindakan yang membebankan kakitangan Kerajaan yang telah kita sedia maklum, tidak terlepas daripada tekanan kemelesetan ekonomi, iaitu kesan ke atas perbelanjaan dan pembiayaan lain termasuk saraan hidup harian.
- (c) Tambahan sebanyak dari 4% kepada 6% kepada peminjam yang sedia ada bermakna tambahan kadar faedah sebanyak 50% daripada jumlah faedah 4% yang dikenakan kepada kakitangan Kerajaan.
- (d) Boleh dikatakan semua kakitangan Kerajaan mengharapkan pinjaman Kerajaan untuk membeli sebuah rumah sebagai suatu

keperluan asas seumur hidup. Kenaikan pinjaman dari 4% kepada 6% telah menyebabkan kadar pulangan balik bayaran yang dikenakan dalam tempoh yang ditetapkan adalah bersamaan dengan jumlah 100% jumlah pinjaman.

Saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini tentang upah dan ganjaran gaji kepada kakitangan Kerajaan, bukan sahaja golongan rendah tetapi juga golongan menengah iaitu pertengahan. Kenaikan 6% pinjaman perumahan ini adalah tidak wajar kerana Kerajaan sendiri tidak membuat apa-apa adjustment ataupun penyesuaian ataupun perubahan atau tambahan gaji, tambahan pendapatan kepada kakitangan Kerajaan.

Sebaliknya beberapa langkah tersebut telah dicadangkan untuk dilaksanakan yang mana tidak secara langsung mengurangkan lagi pendapatan yang bermakna mengurangkan lagi keupayaan sosial dan kemampuan sosio-ekonomi saraan hidup kakitangan Kerajaan. Antara langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) Kerajaan telah pun mengumumkan tidak bertujuan menaikkan gaji kakitangan Kerajaan sehingga keadaan ekonomi mengizinkan.
- (ii) Baru-baru ini dalam Belanjawan 1987 Kerajaan bercadang menanggungkan dan kemungkinan mewajibkan penanggunghan selama tiga tahun kenaikan gaji kakitangan sektor awam, sekiranya keadaan ekonomi terus merosot. Kesemuanya akan menjejaskan kebajikan sosio-ekonomi kakitangan Kerajaan yang menjadi fokus tumpuan dalam Belanjawan negara.

Oleh yang demikian jika ianya ditambah pula dengan tindakan menaikkan kadar pinjaman perumahan dari 4% kepada 6% dalam keadaan di mana kakitangan perkhidmatan tidak mendapat apa-apa faedah perubahan dan upahnya yang sepatutnya, maka adalah wajar Kerajaan mengkaji semula cadangan menaikkan kadar pinjaman perumahan tersebut supaya dasar ini terutamanya di masa tekanan dan kemelesetan ekonomi yang juga dihadapi oleh setiap individu khususnya golongan makan gaji tidak dibebankan dengan cadangan dan tindakan mengatasi defisit Belanjawan Negara. Bila tekanan dan beban dikenakan kepada kakitangan Kerajaan atau rakyat, maka ianya bukan merupakan suatu pengorbanan yang dapat diterima secara sukarela atau kerelaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, saya ingin memberi contoh bagaimana kadar kenaikan ini iaitu daripada 4% kepada 6% membebankan kakitangan perkhidmatan awam yang telah membuat pinjaman perumahan. Tekanan kewangan lebih ketara lagi apabila si peminjam mula bersara dari perkhidmatan. Contoh-contoh ini adalah berdasarkan kepada siasatan saya kepada beberapa orang anggota tentera kita:

Contoh pertama, kadar pinjaman perumahan—\$86,967. Gaji pokok si peminjam—\$910. Elaun khas yang didapati—\$45. Ini bermakna jumlah pendapatan berjumlah \$955 sebulan. Kemudian ditolak potongan Tabung Angkatan Tentera sebanyak \$91. Pendapatan bersih ialah \$955 tolak \$91 yang bermakna berbaki sebanyak \$864.

Kadar faedah pinjaman 4% selama 25 tahun ialah \$459.05 setiap bulan. Baki pendapatan selepas ditolak bayaran pinjaman perumahan ialah \$864 tolak \$459.05, ini bermakna bakinya ialah \$404.95 setiap bulan.

Kedudukan selepas bersara oleh peminjam tersebut. Pencen yang boleh didapati oleh peminjam tersebut yang mana gajinya saya sebutkan tadi \$910 ialah \$470 sebulan, kemudian ditolak pembayaran pinjaman perumahan bulanan sebanyak \$459.05. Ini bermakna si peminjam selepas bersara kelak akan hanya mendapat wang sebanyak \$10.95 sahaja.

Untuk perbezaan kadar pinjaman 6% bagi 25 tahun bagi peminjam tersebut tadi ialah \$559.93. Pendapatan bersih \$955 tolak \$91, berbaki \$864, kemudian tolak pinjaman perumahan kadar faedah 6% \$559.93. Ini bermakna baki bulanan yang ada pada si peminjam tersebut ialah \$304.07. Keadaan ini lebih mendukacitakan apabila si peminjam bersara kerana pencen yang dia dapat ialah \$470 tetapi tolak pembayaran semula pinjaman perumahan \$559.93. Ini bermakna si peminjam selepas bersara terpaksa menambah duit poket sendiri sebanyak \$89.93.

Contoh kedua, Tuan Yang di-Pertua, kadar pinjaman perumahan \$90,000. Insurans nyawa dan api \$5,941. Jumlah pinjaman ialah \$95,941. Gaji pokok si peminjam \$940, elaun khas \$45, jumlah pendapatan bulanan \$985, ditolak potongan Tabung Angkatan Tentera \$94. Jadi ini bermakna gaji bersihnya \$891, iaitu pendapatan \$985 tolak \$94, gaji bersih bulanan \$891.

Pada kadar pinjaman 4% bagi tempoh 25 tahun ialah \$506.42. Pendapatan \$891 tolak pinjaman perumahan berjumlah \$506.42. Ini bermakna baki bulanan yang ada pada si peminjam ialah \$384.58. Tetapi keadaan ini berubah apabila si peminjam bersara kerana pencen yang didapati ialah \$470, tolak bayaran balik pinjaman perumahan \$506.42. Ini bermakna si peminjam akan berkurang \$36.42 tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar pinjaman 6% bagi tempoh 25 tahun kepada peminjam itu juga ialah \$617.71. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, pendapatan bulanan ialah \$891, tolak pembayaran balik pinjaman perumahan \$617.71. Baki bulanan yang ada pada si peminjam ialah \$273.29. Selepas bersara, pencen \$470, tolak pembarayan balik pinjaman perumahan \$617.71. Ini bermakna si peminjam terpaksa mencari wang untuk menampung kekurangan sebanyak \$147.71 tiap-tiap bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya jika sekiranya kita membuat kajian menyeluruh, kita akan dapati lebih ramai lagi kakitangan perkhidmatan awam yang menghadapi masalah yang sama seperti contoh-contoh yang telah saya berikan sebentar tadi, sedangkan apa yang difahamkan pendapatan lebihan yang diperolehi oleh Kerajaan dengan kenaikan faedah tersebut, iaitu daripada 4% kepada 6% hanya lebih kurang berjumlah \$30 juta sahaja. Maka dengan ini saya mencadangkan agar Kerajaan dapat menimbangkan semula cadangan menaikkan kadar faedah pinjaman perumahan tersebut, khususnya kepada peminjam yang sedia ada.

Untuk menambah hasil pendapatan negara jika sekiranya cadangan saya ini diterima, saya ingin mencadangkan agar Kerajaan menaikkan cukai perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Casino Genting Highlands. Mengikut kajian yang telah dibuat semasa ekonomi negara kita kukuh, pungutan harian ataupun, dengan izin, "daily income" Casino Genting Highlands ialah lebih kurang \$2 juta sehari atau hitung panjang \$700 juta setahun dan pungutan pada masa

sekarang ialah lebih kurang \$1 juta sehari atau hitung panjang \$350 juta setahun. Tetapi yang menghairankan, Casino Genting Highlands dikenakan cukai perjudian sebanyak lebih kurang \$60 juta sahaja setahun. Jika sekiranya pihak Casino Genting Highlands tidak bersetuju dengan angka-angka yang saya berikan ini, maka saya ingin mencadangkan di dalam Dewan yang mulia ini agar Kerajaan mewujudkan satu sistem tender di mana lesen-lesen perjudian seperti Casino Genting Highlands mestilah membuat pembayaran lesen perjudian dengan kadar minima \$100 juta setahun dan lesen ini diperbaharui setiap 5 tahun sekali. Begitu juga dengan lesen Empat Nombor Ekor, Sports Toto Malaysia dan lain-lain lesen perjudian. Mungkin sistem tender perjudian yang saya cadangkan ini belum lagi wujud di mana-mana negara di dunia ini, tetapi sudah sampai masanya Kerajaan menimbangkan dengan serius cadangan saya ini. Jika sekiranya cadangan ini diterima, saya penuh yakin Kerajaan akan mendapat pungutan hasil yang lumayan, tidak lagi membebankan rakyat, khasnya kakitangan perkhidmatan awam untuk menambahkan hasil pendapatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ekonomi negara yang tenat sekarang ini maka langkah-langkah memperbaikinya hendaklah diterokai. Saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas beberapa pengumuman dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan yang dijangka boleh memperbaiki keadaan ekonomi negara. Walaupun beberapa kelonggaran telah diumumkan oleh Kerajaan, tetapi saya berpendapat masih ada beberapa langkah yang praktikal yang boleh dilaksanakan, ini termasuk mengurangkan cukai korporat atau "corporate tax", dengan izin, daripada 40% yang ada sekarang ini kepada 20% ke 30% sahaja.

Saya amat memahami bahawa sebahagian besar pendapatan hasil negara ialah daripada pungutan cukai korporat mungkin dilihat dari satu sudut. Jika sekiranya cukai korporat ini diturunkan sepertimana yang dicadangkan, mungkin Kerajaan akan kehilangan pendapatan hasil yang besar, tetapi cubalah kita bayangkan jika kadar korporat ini diturunkan, maka saya yakin lebih banyak lagi bukan sahaja pelabur-pelabur asing akan melabur ke negara kita, bahkan pelabur tempatan yang sekarang ini sebahagian besarnya melabur di luar negeri akan kembali melabur semula di negara kita. Dengan demikian, Kerajaan akan dapat memungut hasil yang lebih dari jumlah pelaburan yang bertambah, iaitu "volume", dengan izin. Walaupun kadar cukai dikurangkan dan pada masa yang sama ianya akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang lebih dan dengan ini juga mengurangkan kadar pengangguran yang semakin bertambah di negara kita.

(b) Mengenakan cukai istimewa, iaitu di antara 10% ke 15% cukai korporat kepada syarikat-syarikat asing yang menggunakan Malaysia sebagai "base" ataupun pusat yang membekalkan keperluan serantau, dengan izin, "regional base". Jika sekiranya cadangan ini diterima, saya percaya banyak syarikat-syarikat daripada luar negeri akan memindahkan pusat operasi mereka yang sekarang berpejabat di rantau ini ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, industri pelancongan juga merupakan salah satu strategi Kerajaan untuk menambah hasil pendapatan negara. Saya mengalu-alukan langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan untuk menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita. Cadangan Kerajaan untuk menswastakan atau menjualkan

rangkaian hotel di bawah pengurusannya adalah satu langkah yang bijak. Langkah ini bukan sahaja boleh melepas beban kewangan Kerajaan yang berterusan, bahkan ia boleh meningkatkan prestasi hotel-hotel tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini kita sentiasa mendengar rungutan bahawa terdapat pegawai-pegawai TDC yang bertugas di pejabat luar negeri tidak menjalankan tugas mereka dengan cekap dan efisien. Untuk meningkatkan lagi industri pelancongan ini, saya ingin mencadangkan beberapa langkah yang harus diambil di antaranya termasuklah pertamanya, menswastakan lebih banyak pusat pelancongan kita. Sebagai contoh projek pelancongan Bukit Nenas yang mana Kerajaan pada suatu ketika dahulu telah membelanjakan wang yang begitu banyak terhadap projek pelancongan ini tetapi projek tersebut pada hari ini terbengkalai begitu sahaja.

Kedua, mengurangkan atau menutup Pejabat-pejabat TDC di luar negeri oleh kerana kos penampungan terlalu besar dan terdapat sebahagian besar para pegawainya tidak begitu cekap sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. Untuk itu saya mencadangkan supaya syarikat-syarikat pelancongan yang besar di negara ini mengambil tugas-tugas TDC di luar negeri dengan memberi potongan cukai ataupun, dengan izin, tax deduction. Jika sekiranya syarikat-syarikat tersebut berjaya membawa jumlah pelancongan yang ramai ke negara kita, satu formula bolehlah diwujudkan bagi maksud tersebut.

Contohnya jika sekiranya syarikat-syarikat pelancongan tersebut membuka pejabat-pejabat cawangan

di luar negeri yang mana ianya memerlukan perbelanjaan yang besar, maka Kerajaan bolehlah mengurangkan cukai ke atas syarikat tersebut. Begitu juga sekiranya syarikat pelancongan tersebut berjaya membawa, katakan jumlah 50,000 pelancong setiap tahun, maka potongan cukai ke atas syarikat tersebut haruslah diberi mengikut formula yang ditentukan oleh Kerajaan. Begitu juga sekiranya syarikat pelancongan tersebut berjaya membawa 100,000 atau lebih pelancong-pelancong ke negara kita setiap tahun, maka kadar potongan cukai ataupun, dengan izin, tax deduction, ke atas syarikat tersebut dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin cadangan saya ini kalau dilihat dari satu sudut adalah kurang bijak kerana gambaran yang diberi seolah-olah Kerajaan akan rugi daripada hasil pendapatan cukai terhadap syarikat-syarikat pelancongan tersebut. Tetapi yang sebenarnya negara akan mendapat keuntungan yang lebih besar lagi daripada cadangan ini kerana lebih ramai lagi pelancong datang ke negara kita, maka pengaliran wang masuk ke negara kita akan bertambah. Syarikat-syarikat pelancongan tempatan sudah barang tentu akan bersungguh-sungguh berusaha menarik lebih ramai pelancong datang ke negara kita disebabkan potongan cukai yang disebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang ingin saya sentuh berhubung dengan industri pelancongan ini ialah penayangan filem-filem dokumentari mengenai negara kita di dalam penerbangan antarabangsa Sistem penerbangan Malaysia (MAS). Filem-filem dokumentari seperti ini juga haruslah ditayangkan di negara-negara luar dari masa ke semasa.

Satu lagi perkara yang harus diambil perhatian oleh Kerajaan ialah mengenai pemberian visa untuk para pelancong yang ingin ke negara kita. Dukacita saya nyatakan di sini kadangkala pengeluaran visa mengambil masa yang agak lama sehinggakan mereka yang berkenaan membatalkan sahaja cadangan melawat ke negara kita.

Kebersihan adalah satu fakta penting menjaga imej negara di kalangan pelancong-pelancong yang melawat ke negara ini. Justeru itu saya menyeru agar DCA ataupun Jabatan Penerbangan Awam yang bertanggungjawab mengelolakan bangunan lapanganterbang di negara kita ini agar dapat mempertingkatkan kebersihan dan keindahan di bangunan lapanganterbang. Sebagai contoh bangunan Lapanganterbang Antarabangsa Subang. Keadaan tandas awam sama ada di tingkat bawah dan atas bangunan tersebut adalah amat menjijikkan.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat ada satu minit sahaja lagi. Sila gulungkan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta kalau boleh 10 minit, Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak point.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ramai lagi yang hendak bercakap.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya cuba, terima kasih.

Sehubungan dengan industri pelancongan ini juga, saya ingin mencadangkan supaya teksi atau kereta sewa di negara kita ini menggunakan kereta nasional iaitu Proton Saga. Dengan penggunaan Proton Saga ini maka dengan tersendiri kita dapat memperkenalkan kereta nasional kita kepada para

pelancong dan dengan tidak secara langsung memperluaskan pengiklanan Proton Saga. Dengan menggalakkan penggunaan Proton Saga sebagai teksi atau kereta sewa, maka dengan secara automatik pemasaran kereta Proton Saga akan meningkat. Saya nyatakan ini kerana mengikut jumlah bilangan lesen teksi, kereta sewa yang dikeluarkan di Semenanjung Malaysia sehingga bulan Ogos, 1986 ialah lebih kurang 25,000 buah kesemuanya. Ini boleh dilakukan dengan cara menurunkan lagi cukai jalan terhadap mereka yang menggunakan kereta Proton Saga sebagai teksi ataupun kereta sewa dan kereta-kereta tersebut ditukar ganti setiap empat atau lima tahun sekali dan jika ini dapat dilakukan, bermakna setiap empat atau lima tahun sekali 25,000 buah kereta Proton Saga akan mendapat pasaran tetap.

Tuan Yang di-Pertua, keamanan dan kemakmuran negara tidak bererti jikalau pertahanan negara lemah. Dalam Belanjawan yang baru dibentangkan, peruntukan terhadap pertahanan amatlah mendukacitakan. Dengan peruntukan yang begini kecil, bagaimanakah kita boleh mempertahankan harta negara yang terdedah kepada serangan-serangan luar.

Sebagai contoh, telaga minyak dan kilang penapis minyak di Terengganu dan di Port Dickson, tempat-tempat strategik seperti Pengkalan Tentera Laut di Lumut, Pengkalan Tentera Udara di Sungai Besi, Kuantan dan Butterworth serta tempat-tempat menyimpan peluru di Kuantan begitu terdedah sekali kepada serangan-serangan musuh dari luar. Begitu juga dengan tempat-tempat penting awam seperti Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Pulau Pinang, Johor Bahru dan lain-lain lagi. Apakah yang boleh kita lakukan jika sekiranya musuh luar menyerang

Pejabat Perdana Menteri ataupun Bangunan Parlimen ini terutama semasa kita sedang bersidang. Mungkin jawapannya kita mempunyai satu atau dua skuadron jet pejuang F5E, tetapi F5E yang kita ada sekarang ini berusia lebih kurang sepuluh tahun yang mana dari segi ketenteraan ianya boleh disifatkan sebagai out-dated, dengan izin.

Saya sedar, saya bukanlah seorang pakar ketenteraan, tetapi sekadar menyampaikan pandangan dari fikiran terbuka di dalam masalah pertahanan negara kita janganlah terlalu bergantung kepada mana-mana pihak, sebaliknya kita mesti berdikari.

Negara kita buat masa ini belum lagi terancam dari serangan-serangan musuh, tetapi ini tidak bermakna kita boleh pandang ringan dan leka. Apa yang pernah berlaku kepada Poland dan Afghanistan sepatutnya menjadi pengajaran kepada kita semua. Begitu juga kekalahan Arab dalam peperangan Jun 1967 dalam masa enam hari sahaja.

Berlandaskan kepada fakta-fakta ini apakah persediaan-persediaan yang kita ambil agar apa yang pernah dialami oleh negara-negara tersebut tidak akan berlaku kepada negara kita. Bukanlah kita hendak menyediakan alat-alat ketenteraan yang serba lengkap dan moden untuk peperangan, tetapi sekadar mempertahankan negara dari ancaman. Janganlah kita mula mencari payung apabila hujan mulai turun. Perlu saya mengingatkan kepada Dewan yang mulia ini masa yang diambil untuk memperolehi alat-alat ketenteraan moden iaitu dari mula pesanan dibuat sehingga alat-alat tersebut dihantar ke negara ini dan tempoh melatih tentera-tentera kita untuk menggunakan alat-alat tersebut.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, cukuplah. Saya sudah beri 4 minit lebih.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa tidak mengizinkan, saya mengucapkan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh bercakap semasa Jawatankuasa.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Jambongan.

5.48 ptg.

Tuan Metah bin Asang (Jambongan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut serta membahaskan usul Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada petang hari Jumaat, bersamaan 24hb Oktober, 1986 di Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun sebelum saya mulakan hujah-hujah saya, saya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih terlebih dahulu kepada Tuan Yang di-Pertua kerana sudah beberapa hari baru dapat kesempatan pada hari ini.....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar lambat asalkan selamat.

Tuan Metah bin Asang: Jadi saya sekali lagi ucapkan ribuan terima kasih, sebelum saya melafazkan ucapan saya di Dewan yang mulia ini sejak dipilih sebagai Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Jambongan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1987 sungguhpun mencatatkan pengurangan kepada hampir semua Kementerian, akan tetapi sungguh menarik kerana pada keseluruhannya dengan sekali imbas menunjukkan usaha gigih Kerajaan bagi memperbaiki pertumbuhan ekonomi negara dan mencari jalan mengatasi kemelesetan. Sebenarnya, kurang atau bertambahnya anggaran perbelanjaan negara bukan semestinya menjadi ukuran memajukan negara kita ini. Yang penting ialah pengawalan, perancangan dan kejujuran oleh pihak yang berkenaan apabila mengimplementasikan projek-projek Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian projek pembangunan seharusnya ditumpukan kepada kawasan pendalaman dan luar bandar kerana di tempat inilah di mana majoriti terdapat penduduk-penduduk terdiri dari golongan yang miskin. Kawasan bandar di negara kita ini memang sudah maju, apa yang perlu bagi penduduk-penduduk bandar ialah pbaikan kemudahan yang memang sudah sedia ada. Kerajaan harus mengalih pandangan jauh ke kawasan luar bandar yang terpencil di mana kemudahan yang dinikmati oleh penduduk bandar cuma menjadi cerita hiasan bagi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan yang dibentangkan itu telah menganggarkan peruntukan sebanyak \$4,469 juta atau 2/3 daripada jumlah perbelanjaan pembangunan 1987 bagi memajukan kawasan luar bandar. Ini kena pada masanya terutama sekali bagi negeri Sabah di mana kebanyakan kampung-kampung di luar bandar amnya dan khususnya di kawasan saya, Jambongan, benar-benar masih ketinggalan dalam semua kemudahan asas terutama sekali jalan raya. Pembinaan jalan raya bukan sahaja untuk perhubungan tetapi juga merupakan kemudahan bagi

penduduk-penduduk untuk memasarkan hasil pertanian ke pekan-pekan mahupun ke bandar-bandar.

Di kawasan pilihanraya saya di Bahagian Sugut, walaupun Sabah sudah mencapai kemerdekaan melalui Malaysia selama 23 tahun, satu batang jalan raya pun belum ada dibina oleh Kerajaan. Di Bahagian Labuk pula, walaupun jalan "gravel", dengan izin, sejauh 28 kilometer yang menghubungkan pekan Beluran ke simpang jalan lebuhraya Sandakan/Telupid yang dibina sejak 25 tahun dahulu sampai ke saat ini belum lagi diturap. Begitu juga dengan dua batang jalan raya di Bahagian Sungai Sibuga iaitu jalan tanah merah rancangan Sungai Manila/Sungai Kayu sejauh 12 kilometer dan jalan lapangan terbang ke Kampung Tinusan sejauh 4 kilometer yang sudah wujud sejak 28 tahun dahulu juga belum diturap. Ini, Tuan Yang di-Pertua, di masa-masa pilihanraya diadakan, jalan-jalan raya inilah yang selalu sahaja dibangkitkan oleh parti-parti Pembangkang untuk dijadikan isu kempen mereka. Dengan itu sukalah saya memohon dan merayu kepada Menteri Kerjaraya agar menyediakan peruntukan bagi tujuan pembinaan dan penurapan ke atas jalan-jalan raya yang dimaksudkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, air juga adalah penting bagi kehidupan kita sehari-hari. Tanpa kemudahan bekalan air yang bersih boleh menggugat kesihatan kita. Untuk membolehkan rakyat di kawasan Sandakan dan Sungai Sibuga mendapatkan bekalan air yang cukup, maka saya merayu agar Kementerian yang berkenaan dapat mempercepatkan pembinaan projek "Ampangan Air" yang telah pun diluluskan di Sungai Kinabatangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas ke atas usaha yang gigih dan hasrat murni Kerajaan untuk

menyediakan anggaran bagi meningkatkan lagi usaha kegiatan pembinaan rumah kos rendah di seluruh negara. Dalam konteks ini, maka saya mengharapkan agar pembahagian peruntukan yang saksama diberikan kepada negeri Sabah sebab negeri Sabah juga tergolong daripada negeri-negeri yang benar-benar menghadapi masalah rumah kos rendah untuk menempatkan rakyat berpendapatan rendah yang kian bertambah, khususnya rakyat di bandar Sandakan dan termasuk juga pengundi-pengundi saya di kawasan Sungai Sibuga.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa keperluan pusat perkhidmatan kesihatan dan klinik yang lengkap dengan kemudahan mahupun kakitangan, pegawai-pegawai perubatan dan pakar pembedahan masih berkurangan dan dirasai oleh penduduk-penduduk luar bandar. Sehubungan dengan ini, ingin saya merayu supaya pengagihan peruntukan yang lebih besar haruslah diberikan kepada negeri Sabah amnya dan kawasan saya Jambongan khususnya. Kawasan Jambongan yang kini mempunyai sebuah Hospital Daerah bertempat di pekan Beluran dan dijaga dengan hanya seorang Pegawai Perubatan atau Doktor tidak lagi mampu menyediakan perkhidmatan kepada puluhan ribu rakyat kawasan Jambongan. Dengan itu saya sangat-sangat berharap supaya Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian dan menambahkan seorang Pakar Bedah bagi memastikan jika terdapat pesakit yang tenat dan memerlukan pembedahan, pesakit tersebut terus dapat dirawat di Hospital Daerah yang sama.

Saya juga merayu agar pembinaan hospital di daerah kecil Telupid dan satu lagi di Kampung Simpangan Paitan bagi kemudahan penduduk-penduduk yang sangat jauh dan rumit

untuk ke Hospital Daerah Beluran. Klinik Desa juga haruslah ditambah di kawasan Sugut memandangkan perhubungan dari satu kampung ke satu kampung terlalu rumit.

Tuan Yang di-Pertua, pelajaran adalah satu lagi perkara yang penting bagi semua rakyat. Usaha gigih Kerajaan untuk terus mempertingkatkan mutu dan kemudahan taraf pelajaran terutama di kawasan luar bandar adalah disanjung tinggi. Ini juga saya berharap walaupun perbelanjaan peruntukan pada tahun 1987 berkurangan dengan peruntukan yang dibelanjakan pada tahun ini, Kementerian berkenaan diharap dapat menyalurkan peruntukan ke kawasan luar bandar di mana bukan sahaja untuk pembinaan dan penambahan bilangan sekolah, tetapi juga kemudahan-kemudahan seperti buku teks serta lain-lain kemudahan sepertimana yang terdapat di bandar-bandar. Pembaikan bangunan-bangunan sekolah yang sudah usang hendaklah juga diambil perhatian dengan segera. Kebanyakan sekolah di luar bandar sangat memerlukan pembaikan. Contohnya, Sekolah Rendah di Kampung Abuan, kawasan Sugut di mana dindingnya diperbuat daripada kulit kayu dan kelengkapan seperti meja dan kerusi juga adalah diperbuat daripada kayu bulat yang dibekalkan oleh penduduk-penduduk kampung tersebut. Ini sepertimana yang disuarakan oleh beberapa Ahli seperjuangan saya dari Sabah, kawasan saya juga mempunyai masalah kekurangan sekolah rendah dan menengah. Oleh itu, sukacitanya saya merayu agar kawasan Bahagian Sugut dapat diberi perhatian di mana pembinaan kedua-dua sekolah menengah yang peruntukannya sudah pun diluluskan iaitu sebuah di Ladang Pamol dan yang satu lagi di Pulau Jambongan haruslah dipercepatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan bagi peruntukan pengurusan pula adalah diharapkan sebahagian daripada jumlah itu dapat disalurkan bagi pembiayaan membayar gaji guru-guru sandaran yang saya percaya masih dikekalkan khidmat mereka memandangkan tidak semua guru-guru terlatih mahupun yang berijazah bersedia berkhidmat di luar bandar. Saya juga mencadangkan di sini supaya usaha dan amalan Kementerian Pelajaran memberikan peluang kepada guru-guru sandaran mengikuti kursus perguruan bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan pengalaman mereka di dalam tugas sebagai pendidik.

Tuan Yang di-Pertua, pertanian adalah satu daripada sumber penghidupan rakyat di negara ini dan dari itu sektor ini sesuai dan haruslah diberi perhatian. Walaupun anggaran peruntukan bagi Kementerian Pertanian tahun hadapan kurang daripada peruntukan pada tahun ini, bukan bererti tanggungjawab dan usaha Kerajaan memajukan bidang sektor pertanian juga turut merosot.

Saya yakin Kerajaan akan terus mempergiatkan lagi arus pembangunan pertanian khasnya kepada kawasan yang mempunyai tanah yang luas dan subur yang belum lagi diusahakan. Petani-petani di luar bandar bukanlah semuanya malas sepertimana yang didakwa oleh setengah golongan. Tetapi untuk membuka dan membangunkan tanah secara besar-besaran ternyata mereka tidak mampu khususnya dari segi modal. Saya merayu supaya pihak Kerajaan akan terus menghulurkan apa juga rupa bentuk subsidi demi untuk membantu pencapaian peningkatan taraf hidup mereka sebagai petani.

Kepada petani-petani yang mempunyai keluasan tanah yang besar seperti di Sabah dan khususnya di

kawasan saya di mana Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan tanah yang luasnya 1,000 ekar atau lebih kepada sekumpulan pekebun-pekebun kecil. Saya memohon dan merayu jasa baik kedua-dua peringkat Kerajaan Pusat dan Negeri supaya dapat menyediakan atau membuat rundingan dengan mana-mana institusi-institusi kewangan, bank-bank atau mana-mana juga pihak swasta yang bersedia untuk menjalankan usahasama dengan pekebun-pekebun kecil berkenaan bagi membuka dan membangunkan tanah mereka.

Untuk pengetahuan Dewan ini, memang terdapat banyak kawasan tanah seperti saya sebutkan tadi masih belum diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil di negeri Sabah. Dengan adanya inisiatif Kerajaan melaksanakan cadangan atau rayuan saya tadi, bukan sahaja tanah itu dapat dibangunkan malah boleh menyediakan pekerjaan kepada penduduk-penduduk luar bandar dan dapat pula menambahkan pengeluaran hasil pertanian seperti kelapa sawit, koko dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak sentuh dan memohon perhatian berat Kerajaan sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini ialah masalah pelarian dan pendatang haram di Sabah. Masalah pelarian daripada Filipina terutama sekali pendatang haram di negeri Sabah khasnya di kawasan Sandakan, Kudat dan Semporna adalah sangat-sangat menakutkan rakyat di negeri itu. Sepertimana Kementerian Dalam Negeri telah sedia maklum, kes-kes rompakan dan samunan adalah dilakukan oleh pendatang-pendatang haram yang datang daripada negara Filipina.

Tuan Yang di-Pertua, kejadian yang terbaharu adalah pada penghujung minggu lalu di mana sekumpulan

lanun yang bersenjata telah mendarat di Kampung Memahat, Beluran, iaitu di kawasan saya dan merampas harta-benda serta wang tunai daripada sekurang-kurangnya empat keluarga di kampung itu. Menurut laporan yang saya terima, lanun-lanun yang bersenjata itu datang dengan menaiki "kumpit" daripada arah kepulauan Lautan Sulu.

Sehubungan dengan hal ini saya merayu kepada Kerajaan untuk membina banyak lagi pengkalan polis di negeri Sabah khususnya di tempat yang sering diancam oleh lanun seperti di kawasan pantai timur Sabah. Saya juga merayu agar Kementerian yang berkenaan dapat meluluskan permohonan yang dikemukakan oleh penduduk-penduduk untuk mendirikan sebuah pengkalan polis di rancangan penempatan Sungai Manila. Pengkalan atau balai polis di tempat itu sangat-sangat diperlukan bagi menjamin keselamatan peneroka-peneroka rancangan dan penduduk-penduduk yang tinggal di beberapa buah kampung yang berhampiran.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bahawa satu kejadian pembunuhan yang ngeri berlaku di tempat yang tidak jauh daripada kawasan rancangan penempatan tersebut itu pada bulan September lalu di mana sepasang suami-isteri telah dibunuh. Mayat lelaki itu telah dimasukkan dalam drum minyak petrol dan mayat isteri pula dimasukkan dalam karung guni, lalu kedua-duanya dicampakkan ke dalam sungai.

Sehubungan dengan kejadian ini, diharap rayuan penduduk-penduduk di kawasan tersebut dapatlah diberi perhatian yang wajar oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya bagi pihak rakyat Sabah amnya dan khususnya rakyat di kawasan

Jambongan sekali lagi merayu kepada Kerajaan Pusat agar dapat memberikan peruntukan lebih saksama kepada negeri Sabah bagi pelaksanaan projek-projek luar bandar yang terlalu ketinggalan seperti di kawasan Jambongan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

6.05 ptg.

Wan Omar bin Wan Majid (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut membahaskan Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada hari Jumaat baru-baru ini. Saya akan cuba memendekkan ucapan saya dengan meninggalkan perkara-perkara yang telah disentuh oleh saudara-saudara Ahli Yang Berhormat. Saya hanya akan memberi pandangan kepada perkara-perkara yang timbul setelah Anggaran Belanjawan ini dibentangkan.

Saya menyokong Anggaran Belanjawan ini berdasarkan keyakinan saya. Pertama, Anggaran ini akan menyelamatkan negara daripada menjadi muflis dan seterusnya menjamin masa depan negara dan rakyat.

Kedua, Anggaran Belanjawan ini dirumus secara jujur dan berani dengan tidak mengambil kira kepentingan popularity peribadi ataupun Kerajaan.

Ketiga, memberi kesedaran kepada semua golongan rakyat supaya mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan yang lain.

Keempat, memberi kesedaran kepada rakyat bahawa sesuatu yang berlaku sama ada di luar ataupun di dalam negara, akan memberi kesan secara langsung kepada negara, kepada diri individu dan kepada keluarga. Mengajar rakyat menerima kebenaran yang nyata, berjimat-cermat, rajin, berusaha, sabar dan berdikari.

Belanjawan ini adalah adil dan tidak membebankan golongan yang miskin. Belanjawan ini dirumus dan dipilih dari hasil kajian yang mendalam dan menyeluruh dengan mengambil kira semua perkara dan wujudnya dari hasil pemikiran dan pandangan semua pihak yang diberi tanggungjawab dan ahli pula di dalam bidang ini. Inilah di antara sebab saya menyokong Anggaran Belanjawan ini.

Hasil dari pembentangan Anggaran Belanjawan ini, saya dapati reaksi rakyat nampaknya tidak menentu. Ada yang terkejut dengan beberapa perkara baru di dalam Belanjawan ini, khususnya tentang begitu beraninya Kerajaan mengenakan satu kenaikan cukai kepada golongan yang berpengaruh. Ada yang menyokong kerana mempunyai kesedaran bahawa ekonomi negara agak tenat dan perlu dipulih dengan segera supaya generasi akan datang tidak menanggung akibatnya. Ada pula yang menyokong sebahagian dan menolak sebahagian. Menyokong bahagian yang mendatangkan keuntungan kepadanya dan menentang bahagian yang memberi kesan negatif secara langsung terhadap ekonomi diri dan keluarga tanpa mengambil kira falsafah dan tujuan Belanjawan yang sebenarnya.

Ada juga yang terus menentang kerana mungkin tidak faham atau mempunyai tujuan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, itulah di antara reaksi rakyat yang saya simpulkan. Oleh itu bagi mengatasi

yang timbul dari pembentangan Anggaran Belanjawan ini maka saya cadangkan:

- (1) Kerajaan hendaklah mengenal pasti punca yang menyebabkan perasaan gelisah rakyat, adakah kerana tidak faham atau kerana tidak setuju atau kerana kepentingan politik atau kerana mainan orang yang tidak bertanggungjawab yang tidak kasihkan negara dan suka melihat negara porak-peranda atau memang ada perkara yang tidak menyenangkan;
- (2) Kerajaan hendaklah mengembelikan semua tenaga Kementerian bagi memberi penerangan yang jelas kepada kakitangan awam dan diikuti penerangan kepada seluruh rakyat jika keadaan memerlukannya. Kerajaan hendaklah bersedia mengambil tindakan kepada sesiapa sahaja yang cuba mempengaruhi orang ramai dengan menentang Kerajaan dengan memperalatkan ataupun mempergunakan alasan Anggaran Belanjawan ini; dan
- (3) Kerajaan juga hendaklah mengawasi saudagar-saudagar ataupun syarikat yang menjadikan negara ini pusat ekonominya semasa negara mewah dan akan lari semasa negara menghadapi kecemasan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik saya kepada Anggaran Belanjawan 1987, Anggaran yang dicadangkan sebanyak \$27,412 juta iaitu kurang \$3,400 juta daripada Anggaran 1986. Walaupun demikian Kerajaan masih menghadapi kekurangan akaun semasa sebanyak \$2,718 juta.

Saya sebagai wakil rakyat luar bandar apabila menyedari hakikat ini saya rasa amat serba salah sekali. Saya dipilih oleh rakyat menjadi wakilnya

untuk memperjuangkan keadaan yang tidak seimbang di antara luar bandar dengan bandar yang sungguh ketara. Kami di luar bandar berada di dalam keadaan serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi rakyat yang tidak pernah datang ke Kuala Lumpur ini apabila kita ceritakan kepadanya, bahawa di Kuala Lumpur ini ada "jejambat"—orang kampung panggil jambatan. Mereka tidak akan percaya. Begitu bodoh sekali orang membut jambatan di atas daratan. Kerana di kampung mereka di atas parit pun tidak mempunyai jambatan. Itulah besarnya perbezaan di antara kampung dengan bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Oleh itu saya berharap kepada kawan-kawan kita yang berada di dalam bandar yang sudah menerima banyak kemudahan dari Kerajaan tolonglah bersimpati sedikit dengan kami orang luar bandar lebih-lebih lagi semasa negara menghadapi ekonomi yang lembab ini. Tidak usahlah berdengki apabila sekolah cuba hendak dibuat di luar bandar sekarang secara gotong royong yang di bandar pun sibuk-sibuk.

Tuan Yang di-Pertua, rata-rata kita dengar suara rakyat dari luar bandar merayu supaya Kerajaan menambahkan sedikit kemudahan di luar bandar.

Suka saya tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa sebahagian besar kami di kawasan luar bandar sentiasa menyokong Kerajaan. Saya menjadi serba salah hendak saya desakkan Kerajaan menambahkan lagi peruntukan ke kawasan saya khususnya ataupun luar bandar amnya. Saya sendiri sudah tahu yang Kerajaan tidak mempunyai kemampuan. Walaupun demikian, saya bersama-sama dengan rakyat saya yang saya wakili di Pasir Puteh

khususnya dan luar bandar amnya menaruh keyakinan penuh kepada Kerajaan yang Kerajaan tidak akan mengabaikan kami di luar bandar, lebih lebih lagi Kerajaan telah membuktikannya di dalam Anggaran Belanjawan 1987 dengan memperuntukkan dua pertiga daripada peruntukan Pembangunan ke luar bandar.

Saya juga yakin Kerajaan akan sanggup membentangkan ke Dewan ini Rang Undang-undang Perbekalan (Tambahan) dan Anggaran Pembangunan 1987 hingga beberapa kali jika sekiranya Kerajaan memperolehi hasil yang lebih. Di atas keyakinan ini saya tidak mahu mendesak Kerajaan menambahkan lagi peruntukan. Cuma saya hendak mengutarakan apa yang saya fikir patut Kerajaan lakukan dengan peruntukan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan hendaklah membelanjakan peruntukan yang dicadangkan mengikut keperluan yang dikehendaki oleh rakyat yang bersesuaian dengan dasar Kerajaan dengan cara mengubahsui sedikit sebanyak Anggaran Belanjawan (Program dan Prestasi) 1987 bagi tiap-tiap Kementerian.

Saya misalkan bagaimana hendak membangunkan nelayan. Dasar dan tujuan Kerajaan ialah hendak menghapuskan kemiskinan di kalangan nelayan. Beberapa langkah telah Kerajaan lakukan. Contohnya selain daripada Jabatan Perikanan, Kerajaan menubuhkan badan berkanunnya yang di namakan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang diberi tanggungjawab bagi memperbaiki sosio-ekonomi nelayan serta untuk memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan dan LKIM pula membantu nelayan menubuhkan PKN (Persatuan Nelayan Kawasan), PNN (Persatuan

Nelayan Negeri), dan Persatuan Nelayan Kebangsaan di samping SKN (Syarikat Kerjasama Nelayan).

LKIM telah ditubuhkan 16 tahun dahulu tetapi nelayan masih menghadapi banyak masalah. Jika saya sebutkan semuanya terlalu panjang dan masa ini tidak akan mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sebutkan yang penting sahaja. Pertama, contohnya pencerobohan nelayan asing khususnya di Kelantan dan Terengganu. Umum telah mengetahui nelayan asing dengan bot yang besar dan kadangkala mempunyai senjata sentiasa menceroahi perairan pantai timur Semenanjung. Pintu-pintu masuknya ialah perairan negeri Kelantan. Yang ramai menjadi mangsanya ialah nelayan Kelantan dan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, jika ianya terus berlaku adalah amat malang bagi nelayan kita. Ianya juga akan menggagalkan usaha Kerajaan hendak menghapuskan kemiskinan nelayan dan tidak akan berjaya usaha hendak mengadakan bekalan ikan yang mencukupi bahkan akan menggagalkan rancangan usahasama dengan Thailand. Nelayan-nelayan Kelantan dan Terengganu dengan bot di bawah 40 tan telah pun meneroka laut dalam. Apa lagi dengan rancangan Kerajaan menggalakkan nelayan menggunakan bot 70 tan ke atas tetapi jika pencerobohan berterusan dengan bot sebesar mana pun nelayan kita tidak akan berani ke laut dalam.

Kehendak nelayan ialah Kerajaan hendaklah mengadakan sebuah pengkalan kawalan dengan segera di Kelantan. Bagaimana Kerajaan hendak mengadakannya sedangkan Kerajaan tidak mempunyai kemampuan ataupun tidak mempunyai

peruntukan? Inilah yang saya katakan tadi Kerajaan hendaklah mengubahsuaikan peruntukan yang sedia ada bagi tujuan ini. Pada saya bagi melaksanakannya tidaklah begitu susah terutama dalam segi peruntukan kerana ia boleh didapati dari Kementerian-kementerian yang dipertanggungjawabkan dalam masalah ini kerana ianya akan melibatkan Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertanian dan Kerajaan Negeri. Jika kesemuanya ini bergotong royong mengubahsuaikan sedikit sebanyak daripada peruntukan tiap-tiap Kementerian dan Kerajaan Negeri sudah tentu satu pengkalan dapat diadakan.

Pemindahan nelayan ke Rancangan Tanah, ini juga tidak dapat membabitkan tambahan perbelanjaan. Rancangan Kerajaan ialah untuk mengurangkan bilangan nelayan dengan memindahkannya kepada sektor lain, khususnya ke Rancangan Tanah. Memang disambut baik oleh nelayan. Sudah lebih setahun nelayan menunggu bila mereka akan dipindahkan. Kerajaan dengan sebab tertentu sukar hendak mengadakan rancangan tanah khusus untuk nelayan. Kehendak nelayan bukannya satu rancangan tanah khas baginya, tetapi mereka memohon dari Kerajaan supaya mereka ditempatkan di mana-mana satu rancangan tanah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dengan cara satu kumpulan nelayan ditempatkan dalam sebahagian daripada satu Rancangan Tanah bagi tiap-tiap negeri yang ada Rancangan Tanah.

Contoh yang ketiga ialah pemulihan institusi nelayan. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ketahui, ada di antara PNK sangat lemah dalam segi ekonominya, tidak mempunyai modal yang cukup dan tidak mempunyai harta untuk dijadikan sandaran kepada bank, lebih-lebih lagi PN yang

baru ditubuhkan. Pada pendapat saya, sudah tiba masanya Kerajaan melalui LKIM mengubahsuaikan peruntukannya bagi memberi bantuan khusus kepada PN dengan tujuan membantu dan menyelamatkannya. Akta PN 1971 juga perlu dipindah segera bagi membolehkan PN meluaskan usahaniaganya dengan cara usahasama dengan sesiapa sahaja kerana Akta 1971 tidak membenarkan PN membuat pendaftaran syarikat dengan mana-mana kongsi yang bukan dari kumpulan nelayan.

Demikian juga halnya dengan pembahagian kelas kepada kawasan nelayan hendaklah dihapuskan. Nelayan tidak mahu mereka dibezakan. Ada nelayan yang tinggal dalam kawasan pembangunan nelayan dan ada pula di luar kawasan pembangunan nelayan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah terbiar. Kerajaan Negeri dan Kementerian Pertanian sedang berusaha memulihkan tanah terbiar khususnya tanah milik rakyat, bertujuan menambahkan pendapatan rakyat dan membanyakkan pengeluaran hasil pertanian bagi kegunaan rakyat. Ini dapat membantu mengatasi kemelesetan ekonomi dan menyelamatkan aliran wang keluar negeri. Tetapi apa yang dipersoalkan ialah tanah terbiar yang dimiliki oleh Kementerian-kementerian yang bertaburan di seluruh negara ini. Sebagai contohnya, dalam kawasan saya, satu kawasan yang luasnya beratus-ratus ekar, hampir ribu ekar kepunyaan Kementerian Pertahanan, di satu tempat bernama Gong Kedap, dengan tujuan untuk kegunaan Tentera dan telah diambil balik daripada milik rakyat dengan cara pembayaran. Demikian juga berpuluh-puluh ekar tanah kepunyaan Kementerian Pelajaran di tanah-tanah Pekan Cheran Rukup di Pasir Puteh bagi tapak sekolah menengah. Begitu juga satu tapak di tengah bandar Pasir

Puteh yang agak luas milik Kementerian Kesihatan untuk dijadikan tapak Hospital Daerah Pasir Puteh. Soalnya apakah Kementerian-kementerian berkenaan masih berminat hendak meneruskan projeknya kerana telah begitu lama dibiarkan dengan keadaan terbiar tidak ada sesuatu pun diusahakan di atasnya ataupun jika sekiranya Kementerian sudah tidak berminat lagi, adakah Kementerian-kementerian berkenaan bercadang untuk membahagi-bahagikan kepada rakyat supaya ianya tidak tinggal terbiar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup. Yang Berhormat. Sila duduk!

Wan Omar bin Wan Majid: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Insya Allah saya akan sampaikan lagi beberapa perkara perlu yang diminta oleh rakyat supaya saya sampaikan. Saya sudah dengan menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat.

6.25 ptg.

Tuan Basri bin Bajuri (Kuala Langat): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam pembaziran dan menyokong usul Belanjawan 1987 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 24hb Oktober, 1986 yang lalu. Belanjawan kita kali ini membayangkan kesungguhan dan keazaman Kerajaan untuk memulihkan kemelesetan ekonomi yang melanda negara kita sekian lama sehingga kesannya begitu dirasakan oleh semua lapisan masyarakat.

Anggaran yang berjumlah \$27,412 juta bukanlah satu peruntukan yang begitu besar, tetapi jika dilihat pecahan peruntukan tersebut di mana Perbelanjaan Mengurus berjumlah \$20,739 juta berbanding dengan peruntukan pembangunan yang berjumlah \$6,673 juta itu kita nampak bahawa perbezaan di antara kedua angka tersebut begitu besar. Ini menunjukkan dengan jelasnya bahawa kita mempunyai jumlah kakitangan Kerajaan yang besar dan usaha untuk mengatasi masalah ini adalah usaha yang baik walaupun ianya akan menerima kesan-kesan yang negatif.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Kerajaan telah mengadakan berbagai rancangan untuk mengisi kemerdekaan dengan mengatur berbagai strategi pembangunan. Ratusan agensi Kerajaan dan badan-badan berkanun yang bertujuan untuk membangunkan ekonomi negara telah diwujudkan sehingga terdapat ada agensi yang menjalankan kegiatan yang bertindih. Ada juga agensi yang gulung tikar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya tidak bermaksud untuk mengungkit perkara yang telah lalu, tetapi apa yang ingin saya tekankan di sini ialah supaya kita akan lebih berhati-hati dalam merancang dan melaksanakan sesuatu, kerana sebarang perancangan yang tidak teliti akan menyebabkan kerugian dan pembaziran wang rakyat. Dalam kita melaksanakan slogan "bersih, cekap dan amanah", dan juga di dalam kita menghadapi kemelesetan ekonomi, masalah pembaziran harus diberi perhatian berat. Pada masa ini banyak rungutan yang kita dengar tentang berlakunya pembaziran di sana sini di kalangan Jabatan, Kementerian dan juga Kerajaan. Pembaziran yang saya maksudkan bukan sahaja dari segi perkara-perkara yang nyata seperti

alat tulis, kenderaan dan sebagainya, tetapi berlaku juga pembaziran-pembaziran yang berbentuk abstrak, seperti pembaziran masa, tenaga dan sebagainya.

Dalam hubungan ini, perkara yang ingin saya tekankan bukanlah jumlah pembaziran yang kita telah lakukan. Apa yang saya ingin tekankan di sini ialah sikap dan sifat berjimat cermat mestilah ditanam dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat. Jika jimat cermat telah menjadi satu amalan dan cara hidup yang menyeluruh, saya percaya bahawa Perbelanjaan Mengurus Kerajaan akan dapat diturunkan dengan banyaknya. Di samping itu ia akan dapat meningkatkan lagi produktiviti negara.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa tidak mengizinkan. Yang Berhormat boleh sambung lagi esok.

Tuan Basri bin Bajuri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.